PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2008

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan menjadi perlahan pada suku keempat

Ekonomi Malaysia menjadi perlahan dan mencatat pertumbuhan 0.1% (S3 08: 4.7%) pada suku keempat 2008 disebabkan keadaan ekonomi global yang merosot dengan lebih ketara. Pertumbuhan terjejas oleh penurunan ketara dalam permintaan luaran yang mengakibatkan eksport bersih barangan dan perkhidmatan benar terus merosot sebanyak 40.1% (S3 08: -14.8%). Namun, permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan, dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan awam. Bagi tahun 2008 keseluruhannya, ekonomi Malaysia berkembang 4.6% (2007: 6.3%).

Pertumbuhan perlahan pada suku keempat 2008
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku keempat, permintaan dalam negeri berkembang 3.1% (S3 08: 6.5%). Pertumbuhan penggunaan swasta menjadi sederhana kepada 5.3% (S3 08: 8.1%) memandangkan aktiviti perbelanjaan dibendung oleh peningkatan dalam bilangan pekerja sektor perkilangan yang diberhentikan, pendapatan pekebun kecil yang lebih rendah berikutan kejatuhan harga komoditi yang ketara serta tahap keyakinan pengguna yang semakin rendah. Namun, penggunaan awam masih kukuh pada 13.8% (S3 08: 6.9%) berikutan perbelanjaan lebih tinggi untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Sebaliknya, pembentukan modal tetap kasar menjadi negatif pada suku keempat (-10.2%; S3 08: 3.1%) ekoran aktiviti pelaburan yang lembap.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat penurunan, dengan penurunan paling ketara dicatat oleh sektor perkilangan (-8.8%; S3 08: 1.8%), khususnya industri berorientasikan eksport (-12.3%; S3 08: -1.1%) disebabkan penguncupan ketara dalam permintaan global. Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan dalam negeri menjadi negatif sebanyak 2.5% (S3 08: 8.4%) lantaran kemerosotan pengeluaran bahan berkaitan pembinaan. Sektor pertanian pula mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada 0.5% (S3 08: 3.0%) berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih sederhana dan juga pengeluaran getah yang merosot. Sektor perlombongan menguncup 5.7% (S3 08: -0.3%) disebabkan oleh pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah. Sementara itu, aktiviti pembinaan mencatat kemerosotan sebanyak 1.6% (S3 08: 1.2%) disebabkan oleh aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam yang lebih perlahan. Pada suku yang sama, sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu pertumbuhan yang utama dan berkembang 5.6% (S3 08: 7.1%). Pertumbuhan sektor ini disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, serta penginapan dan restoran. Sebaliknya, subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta utiliti mengalami penguncupan berikutan aktiviti pasaran saham dan sektor perkilangan yang lebih lembap.

Pada suku keempat 2008, kadar inflasi menjadi sederhana kepada 5.9% (S3 08: 8.4%), sebahagian besarnya disebabkan oleh beberapa siri penurunan harga runcit

bahan api oleh Kerajaan. Trend inflasi yang menurun ini dijangka berterusan pada tahun 2009. Pertumbuhan ekonomi yang kian perlahan dijangka berupaya meredakan tekanan penawaran dan permintaan, lantas membendung kenaikan harga dalam negeri. Trend menurun ini dapat dilihat pada bulan Januari 2009 apabila kadar inflasi menjadi lebih sederhana kepada 3.9%.

Dalam sektor luaran, imbangan perdagangan mencatat lebihan yang lebih rendah sebanyak RM32.8 bilion pada suku keempat (S3 08: RM41.8 bilion). Eksport merosot (-7.4%; S3 08: 16.8%), mencerminkan penguncupan eksport perkilangan yang ketara. Prestasi eksport perkilangan terjejas oleh permintaan yang lebih rendah terhadap elektronik dan barangan elektrik (E&E) dan keluaran bukan E&E daripada pasaran utama, serta harga keluaran separa konduktor dunia yang lebih rendah. Pertumbuhan yang amat sederhana juga dicatat oleh eksport komoditi (6.1%; S3 08: 48.1%) mencerminkan pertumbuhan eksport mineral yang lebih rendah selain kemerosotan ketara dalam eksport pertanian disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih rendah. Kemerosotan import kasar (-12.3%; S3 08: 10.1%) pula disebabkan oleh penurunan import barangan pengantara dan barangan modal berikutan prestasi eksport yang lebih lemah dan aktiviti pelaburan swasta yang lebih lembap.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) lebih rendah sebanyak RM9.3 bilion pada suku keempat (S3 08: RM21.6 bilion), terutamanya disebabkan oleh penurunan peminjaman antara syarikat. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang sebahagian besarnya berpunca daripada pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih berjumlah RM3.4 bilion (S3 08: RM2 bilion). Sejumlah besar daripada FDI bersih ini disalurkan ke dalam sektor minyak dan gas serta sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM6.6 bilion (S3 08: -RM16 bilion) dengan kebanyakan daripada pelaburan ini disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan portfolio juga mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM24.8 bilion (S3 08: -RM38 bilion) apabila usaha untuk menyelaraskan semula pengagihan aset disempurnakan oleh pengurus dana.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM316.8 bilion (bersamaan dengan USD91.3 bilion) pada 31 Disember 2008 dan kekal stabil pada RM317.7 bilion (bersamaan dengan USD91.6 bilion) pada 13 Februari 2009. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

OPR diturunkan sebagai langkah awalan

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan 25 mata asas pada bulan November 2008 dan sebanyak 75 mata asas lagi pada bulan Januari 2009. Bagi mengurangkan lagi kos pengantaraan, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) diturunkan serentak masing-masing sebanyak 50 dan 150 mata asas. Langkah pelarasan menurun yang ketara ini bertujuan untuk melaksanakan rangsangan kewangan awalan bagi menyokong permintaan dalam negeri. Ini memandangkan risiko pertumbuhan yang lebih rendah semakin meningkat sementara keadaan tekanan inflasi semakin reda. Kemelesetan ekonomi global yang semakin ketara pada suku keempat dan risiko penguncupan yang lebih tinggi terhadap ekonomi dalam negeri telah membawa kepada pengurangan seterusnya terhadap OPR sebanyak 50 mata asas dan SRR sebanyak 100 mata asas pada 24 Februari 2009.

Sejajar dengan perubahan dalam OPR pada bulan November 2008, kadar antara bank bagi

semua tempoh matang turut menurun dan selepas itu kekal stabil pada paras baharu masing-masing. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan lebih rendah pada 6.48% pada akhir bulan Disember 2008 (akhir bulan September 2008: 6.72%). Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun kepada 5.86% pada akhir bulan Disember 2008 berbanding 5.96% pada akhir bulan September 2008. Penurunan kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) paling ketara bagi tempoh matang 12 bulan apabila kadar lantai diturunkan sebanyak 20 mata asas kepada 3.50%. Pada akhir bulan Disember 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 3.01% hingga 3.50%.

Pada suku keempat, keadaan kredit di Malaysia masih lagi baik meskipun keadaan kewangan dan ekonomi global semakin merosot. Meskipun penunjuk pinjaman menunjukkan permintaan terhadap kredit berkurang sedikit, permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan dan isi rumah terus disokong oleh institusi perbankan dalam negeri. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat 12.7% pada akhir tahun 2008. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan bertambah 5.3% pada suku keempat, terutamanya pinjaman kepada sektor perniagaan. Jumlah pinjaman terkumpul juga meningkat pada kadar 12.8% pada suku tersebut. Sungguhpun institusi perbankan pada awalnya menunjukkan sikap berhati-hati dalam menyediakan kredit, namun institusi tersebut terus bersedia menawarkan kemudahan kredit.

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal ketara lebih tinggi sebanyak RM14.3 bilion pada suku keempat. Sebahagian besar daripada peningkatan ini adalah hasil daripada dana bersih sebanyak RM13.9 bilion yang diperoleh sektor awam. Bagi sektor swasta pula, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS dan pasaran ekuiti masing-masing berjumlah RM229 juta dan RM222 juta.

Wang secara luas atau M3 berkembang dengan sederhana sebanyak RM19 bilion pada suku keempat 2008 atau pada kadar tahunan 11.9% pada akhir bulan Disember berikutan aliran keluar dana dalam jumlah yang besar susulan aktiviti pembayaran balik hutang oleh pelabur global.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat susulan aktiviti pembayaran balik hutang global yang berterusan. Ringgit menyusut nilai kepada RM3.6375 berbanding dengan dolar AS pada 5 Disember 2008 atau penyusutan 13.9% daripada paras tertinggi RM3.1315 yang dicapai pada 23 April 2008. Menjelang akhir tahun 2008, ringgit pulih sedikit dengan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS berada pada RM3.4640 pada 31 Disember 2008, atau 4.5% lebih rendah berbanding dengan paras pada akhir tahun 2007. Pada suku keempat, nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama lain lebih kukuh, antaranya paun sterling sebanyak 24.5% dan euro sebanyak 1.8% ketika kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi di UK dan kawasan euro semakin meningkat. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.3% hingga 15.9% pada suku tersebut, tetapi menyusut nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan renminbi China. Pada tempoh 1 Januari hingga 24 Februari 2009, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.6%, paun sterling sebanyak 6.4% dan yen Jepun sebanyak 0.7%, tetapi menambah nilai sebanyak 4.5% berbanding dengan euro. Sungguhpun ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 0.2% hingga 5.6%, ia menambah nilai berbanding dengan won Korea sebanyak 13.2%, rupiah Indonesia sebanyak 3% dan dolar Singapura sebanyak 0.4%.

Sistem perbankan masih kukuh

Kedudukan kewangan sektor perbankan masih kukuh lantas sektor ini terus berkeupayaan untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi negara. Pada akhir bulan Disember 2008, nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras sistem perbankan kekal tinggi, masing-masing pada 12.7% dan 10.6%. Keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM5.1 bilion (S3 08: RM 4.0 bilion) dengan pulangan atas aset dan ekuiti tahunan purata masing-masing pada 1.5% (S3 08: 1.5%) dan 18.6% (S3 08: 18.7%). Pinjaman tak berbayar (NPL) bersih menurun 5% kepada RM15.8 bilion (S3 08: RM16.6 bilion) untuk mencakupi bahagian jumlah pinjaman bersih yang lebih rendah pada akhir tahun 2008 (2.2%; S3 08: 2.4%).

Permintaan dalam negeri menjadi tunggak pertumbuhan dalam keadaan krisis global yang semakin buruk

Berdasarkan perkembangan terkini, kesan krisis kewangan global terhadap ekonomi global jauh lebih buruk dan meluas daripada jangkaan awal. Tahap penularannya yang merentas ekonomi global belum pernah terjadi, dengan beberapa negara perindustrian utama dan sebilangan ekonomi serantau dilanda kemelesetan ekonomi. Meskipun usaha-usaha yang lebih giat digembleng di peringkat global untuk menangani kesan kelembapan ini, risiko pertumbuhan yang lebih rendah masih wujud dan pemulihan dijangka perlahan dan memakan masa. Dalam keadaan ini, ekonomi Asia semakin terjejas. Kesannya sudah jelas dari segi prestasi eksport beberapa negara serantau.

Malaysia, sebagai salah satu bahagian penting ekonomi global, sudah mulai merasa kesan daripada kelembapan pertumbuhan global. Dengan prestasi eksport yang merosot, pertumbuhan kini semakin bergantung pada permintaan dalam negeri, khususnya penggunaan swasta dan perbelanjaan Kerajaan. Akses yang berterusan kepada pembiayaan, simpanan yang tinggi, dan inflasi yang lebih rendah akan terus memainkan peranan menyokong ekonomi dalam tempoh yang mencabar ini. Pelaksanaan rangsangan fiskal yang tepat pada masanya dan sokongan dasar yang perlu bagi memperkukuh sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri adalah penting untuk menyokong pertumbuhan keseluruhan. Bank Negara Malaysia juga telah menurunkan OPR sebanyak 75 mata asas kepada 2.5% pada 22 Januari 2009 dan SRR sebanyak 150 mata asas kepada 2% berkuat kuasa pada 1 Februari 2009. Pada 24 Februari 2009, OPR dikurangkan kepada 2% sementara SRR diturunkan lagi kepada 1%. Usaha-usaha Bank akan terus dijuruskan ke arah memastikan akses kepada pembiayaan berterusan. Pada 23 Januari 2009, Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Skim Bantuan Jaminan Perusahaan Kecil dan Sederhana berjumlah RM2 bilion.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2008

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Kemelesetan global makin ketara apabila kesan krisis beralih balik kepada sektor kewangan

Ekonomi global mengalami tekanan paling buruk pada suku keempat apabila kemelesetan ekonomi negara maju yang semakin ketara telah mengakibatkan kesan krisis daripada ekonomi benar beralih balik kepada sektor kewangan yang sudah lemah. Sungguhpun langkah-langkah awal ditumpukan pada pemulihan sektor kewangan, penekanan kini lebih diberikan kepada pelaksanaan rangsangan fiskal besar-besaran bagi menangani kesan krisis terhadap pertumbuhan. Perhubungan dinamik antara tindakan syarikat memberhentikan pekerja, kehilangan keyakinan, dan juga tindakan pengguna mengurangkan perbelanjaan mengakibatkan penguncupan yang teruk dalam permintaan sektor swasta lantas mempercepat kejatuhan dalam permintaan global terhadap barangan dan perkhidmatan serta pembetulan terhadap harga-harga komoditi. Ekonomi sedang pesat membangun yang lebih terbuka telah mengalami kejatuhan eksport dua angka lalu mengakibatkan kemerosotan pertumbuhan. Ini telah membawa kepada tindak balas dasar yang agresif dalam bentuk rangsangan fiskal besar-besaran dan pelonggaran dasar monetari.

Di **Amerika Syarikat** (AS), KDNK benar merosot lagi sebanyak 3.8% pada asas tahunan pada suku keempat. Ini merupakan kemerosotan suku kedua berturut-turut dan yang terbesar dalam tempoh 26 tahun (S3 08: -0.5%). Perbelanjaan penggunaan swasta terus menurun kepada 3.5% (S3 08: -3.8%) tetapi faktor yang lebih ketara ialah penurunan dua angka sebanyak 20.1% dalam pelaburan tetap (S3 08: -5.3%). Penurunan secara meluas pelaburan tetap disebabkan terutamanya oleh pengurangan yang besar dalam pelaburan kelengkapan perniagaan sebanyak 27.8%. Sementara itu, kadar inflasi turun dengan nyata kepada 1.5% pada suku ini (S3 08: 5.2%), berikutan kejatuhan harga gasolin yang ketara dan permintaan yang lebih lemah.

Di **Jepun**, kemelesetan ekonominya semakin buruk apabila merosot dengan ketara sebanyak 12.7% pada asas tahunan pada suku keempat (S3 08: -2.3%) berikutan kejatuhan eksport paling besar pernah dicatatkan iaitu sebanyak 23.5% (S3 08: 3.1%). Kejatuhan eksport secara menyeluruh ini mencerminkan kejatuhan yang ketara dalam permintaan global terhadap kereta, elektronik dan produk lain berikutan kenaikan nilai yen yang ketara. Lantaran sektor perkilangan Jepun terlalu bergantung pada eksport, pengeluaran perindustrian merosot 14.4% pada suku keempat 2008 (S3 08: -1.9%). Seterusnya ini diikuti oleh pengurangan waktu bekerja dan pemberhentian pekerja terutamanya pekerja kontrak. Faktor ini antara lain telah menjejaskan indeks keyakinan

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2007		2008			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	-0.2	2.0	-0.5[r]	-3.8[a]	1.3[a]	Penguncupan ketara dalam pelaburan tetap terutamanya dalam peralatan perniagaan.
UK	3.0	3.0	0.3	-1.9[a]	-0.7[a]	Pertumbuhan yang perlahan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.
Kawasan Euro	2.1	2.6	0.6	-1.2[p]	0.7[p]	Penguncupan mendadak di Jerman dan penguncupan yang lebih daripada yang dijangka di Perancis dan Itali.
Jepun[1]	4.5	2.4	-2.3[r]	-12.7[p]	-0.7	Penyusutan kali ketiga berasaskan kadar tahunan disebabkan kejatuhan ketara dalam eksport.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[r] Disemak
[p] Awalan
[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

pengguna yang jatuh ke paras terendah 26.2 pada bulan Disember 2008, selain menyebabkan penggunaan menurun. Pada suku keempat, inflasi menurun lagi kepada 1% (S3 08: 2.4%).

Pertumbuhan dalam **kawasan euro** menguncup 1.2% (S3 08: 0.6%) pada suku keempat berpunca daripada gabungan faktor kemerosotan eksport Jerman yang berterusan dan juga luluh kredit (credit crunch) yang semakin ketara dalam ekonomi Eropah yang lain. Permintaan dalam negeri semakin lemah kerana syarat pinjaman bank yang lebih ketat telah menjejaskan penggunaan isi rumah dan aktiviti pelaburan syarikat. Dari segi inflasi, harga menjadi lebih sederhana kepada 2.3% pada suku keempat (S3 08: 3.8%). Di **UK**, ekonominya mengalami pertumbuhan negatif 1.9% pada suku keempat (S3 08: 0.3%), iaitu penurunan pertama kalinya sejak tahun 1991. Penguncupan merentas semua sektor ekonomi, terutamanya sektor perkhidmatan (-1.0%). Kadar inflasi di UK menyusut lagi kepada 3.9% pada suku keempat (S3 08: 4.8%).

Berlatarkan prospek pertumbuhan yang semakin lemah berserta kemelut kewangan yang lebih teruk dan harga komoditi yang makin rendah, bank-bank pusat negara maju meneruskan langkah pelonggaran dasar monetari yang agresif. Di **AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) menurunkan kadar *Federal Funds* daripada 1% kepada julat antara sifar hingga 0.25% pada bulan Disember, dan FOMC sebenarnya menerima pakai dasar kadar faedah sifar. Selain itu, pihak berkuasa AS juga melaksanakan dasar pelonggaran kuantitatif (quantitative easing) secara meluas bagi meningkatkan mudah tunai instrumen hutang dan menyokong pasaran perumahan yang masih lembap. **Bank of Japan** pula menurunkan kadar panggilan semalaman sebanyak 20 mata asas kepada 0.1%, sementara **European Central Bank** (ECB) mengurangkan kadar semalamannya sebanyak 75 mata asas kepada 2.5% pada bulan Disember. Ini merupakan penurunan terbesar dalam tempoh sedekad. ECB sekali lagi menurunkan kadar faedahnya sebanyak 50 mata asas kepada 2% pada 15 Januari 2009 ekoran kemelesetan yang kian meruncing. **Bank of England** (BoE) juga menurunkan kadar pinjaman asasnya pada bulan Disember sebanyak 100 mata asas kepada 2%. Pada bulan Januari 2009, BoE sekali lagi menurunkan kadar faedahnya sebanyak 50 mata asas kepada 1.5% sebelum mengurangkan sebanyak 50 mata asas lagi kepada 1% pada bulan Februari. Kadar faedah ini merupakan yang terendah dalam sejarah BoE.

Dengan keadaan kegawatan yang serius, pihak-pihak berkuasa terutamanya dalam ekonomi maju telah melaksanakan rangsangan fiskal secara besar-besaran bagi menyokong ekonomi benar. Pada bulan Februari 2009, AS mengumumkan rangsangan fiskal sebanyak USD787 bilion atau 5.7% daripada KDNKnya. Rangsangan fiskal besar-besaran juga diumumkan oleh negara serantau, termasuk China (USD586 bilion atau 16% daripada KDNK) pada bulan November 2008, dan Singapura pada bulan Januari 2009 (USD13.7 bilion atau 8.4% daripada KDNK).

Pada suku keempat, **harga minyak mentah**[1] dunia terus merosot dan ditutup pada USD44.6 setong pada akhir tahun 2008 berikutan kemerosotan ekonomi negara maju yang semakin buruk. Harga minyak mencecah paras terendah dalam tempoh 5 tahun kepada USD31.41 setong pada pertengahan bulan Disember 2008. Paras harga ini belum pernah dicapai sejak bulan Disember 2003. Namun, harga minyak kini stabil antara USD35 – 50 setong pada awal tahun 2009.

Di **rantau Asia**, ekonomi yang lebih terbuka mengalami kemelesetan ekonomi manakala pertumbuhan ekonomi serantau lain ketara lebih perlahan pada suku keempat. Berikutan penguncupan yang nyata dalam eksport,

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

pertumbuhan ekonomi Singapura dan Korea masing-masing merosot 4.2% (S3 08: 0%) dan 3.4% (S3 08: 3.8%). Pertumbuhan di China ketara lebih sederhana pada 6.8% pada suku keempat (S3 08: 9%) susulan permintaan eksport yang ketara rendah daripada ekonomi maju. Ini telah menyebabkan kejatuhan ketara dalam import China daripada negara serantau yang lain. Namun, kejatuhan harga komoditi yang ketara dan permintaan luaran yang makin lemah telah meredakan tekanan inflasi di rantau ini. Sebagai respons terhadap perkembangan ini, bank-bank pusat di seluruh Asia mengurangkan kadar faedah masing-masing hingga ke tahap terendah yang pernah dicatat bagi melindungi ekonomi masing-masing daripada prospek pertumbuhan global yang semakin teruk. Bank of Korea menurunkan kadar faedahnya sebanyak 325 mata asas sejak awal bulan Oktober 2008, manakala China menurunkan kadar faedah sebanyak 216 mata asas sejak bulan September 2008.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, dolar AS terus menambah nilai berbanding dengan euro dan paun sterling disebabkan proses pembayaran balik hutang dan tanggapan pasaran bahawa pelarasan dalam ekonomi maju lain ketinggalan sedikit berbanding AS. Yen Jepun juga kian kukuh berbanding dengan dolar AS berikutan tindakan keluar daripada aktiviti *carry trade* secara berterusan dan penghantaran balik dana ke Jepun. Sementara itu, mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS lantaran terjejas oleh aktiviti pembayaran balik hutang serta penarikan balik dana dan kredit keluar dari rantau ini oleh pelabur dan institusi kewangan berikutan penurunan nilai hutang yang besar di negara maju dan juga kedudukan kewangan yang lebih lemah.

Melangkah ke hadapan, dengan pasaran kewangan terus mengalami tekanan yang lebih besar dan ekonomi benar terpaksa menghadapi kemelesetan yang lebih teruk walaupun langkah-langkah dasar telah diambil, risiko pertumbuhan yang lebih rendah masih lagi ketara. Hala tuju dan tahap krisis ekonomi global dalam jangka masa terdekat ini banyak bergantung pada keberkesanan langkah-langkah dasar yang diambil ekonomi maju untuk memulihkan permintaan dan mengembalikan perjalanan sistem kewangan serta pengenalan langkah-langkah rangsangan dalam ekonomi sedang pesat membangun yang utama.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2007		2008			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	11.2	13.0[r]	9.0	6.8	9.0	Pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan eksport dan pelaburan yang lebih lemah.
Indonesia	6.3	6.3	6.4[r]	5.2	6.1	Pertumbuhan didorong oleh aktiviti penggunaan dan eksport.
Filipina	6.4	7.2	5.0[r]	4.5	4.6	Pertumbuhan didorong oleh aktiviti penggunaan meskipun eksport dan pelaburan merosot.
Hong Kong SAR	6.9	6.4	1.7	-2.5	2.5	Disebabkan oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang lebih rendah.
Korea	5.7	5.0	3.8[r]	-3.4[p]	2.5	Penurunan menyeluruh dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan.
Singapura	5.5[r]	7.8[r]	0.0[r]	-4.2[r]	1.1	Disebabkan oleh penurunan dalam aktiviti perkilangan terutama sektor elektronik dan kimia.
Thailand	5.7	4.9	3.9[r]	-4.3	2.6	Penyusutan ketara disebabkan oleh sumbangan yang negatif daripada eksport bersih.
China Taipei	6.4	5.7	-1.1[r]	-8.4[p]	0.1	Penguncupan yang lebih rendah disebabkan oleh eksport dan pelaburan yang merosot.

[r] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan menjadi perlahan pada suku keempat

Pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi perlahan kepada 0.1% (S3 08: 4.7%) pada suku keempat 2008 disebabkan terutamanya oleh permintaan luaran yang nyata lebih lemah. Eksport merosot dengan ketara berikutan kemelesetan yang lebih teruk di beberapa negara maju dan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih perlahan. Namun, permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan, didorong oleh penggunaan swasta dan awam. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan, manakala sektor perkilangan, perlombongan dan pembinaan menguncup. Secara keseluruhan, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 4.6% pada tahun 2008 (2007: 6.3%).

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	9.1	9.8	6.5	3.1	6.9
Penggunaan	8.7	9.9	7.8	7.4	9.1
Sektor swasta	*10.2*	*10.8*	*8.1*	*5.3*	*8.4*
Sektor awam	*4.2*	*6.6*	*6.9*	*13.8*	*11.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	10.2	9.6	3.1	-10.2	1.1
Eksport Bersih	-12.3	-3.8	-14.8	-40.1	-3.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*7.8*	*4.2*	*5.1*	*-13.4*	*1.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*11.0*	*5.4*	*8.2*	*-10.1*	*2.2*
KDNK	**7.3**	**6.3**	**4.7**	**0.1**	**4.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri lebih sederhana

Permintaan dalam negeri menjadi sederhana dan meningkat 3.1% (S3 08: 6.5%) pada suku keempat. Pada suku ini, sektor isi rumah dan perniagaan mengambil sikap berhati-hati lantaran terjejas oleh persekitaran ekonomi global yang merosot, laporan pemberhentian pekerja serta langkah-langkah pengurangan kos lain yang diambil oleh sektor perkilangan.

Penggunaan swasta meningkat 5.3% pada suku keempat 2008, disokong oleh pengurangan harga minyak runcit, pelbagai promosi sempena musim perayaan dan bonus yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan pada bulan Disember. Namun, penggunaan swasta sedikit sebanyak terjejas oleh peningkatan bilangan pekerja yang diberhentikan dalam sektor perkilangan serta pendapatan pekebun kecil yang lebih rendah berikutan kejatuhan harga komoditi yang ketara. Pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih sederhana dicerminkan oleh kadar pertumbuhan lebih perlahan kebanyakan penunjuk penggunaan seperti perbelanjaan kad kredit, import barangan penggunaan, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor isi rumah, serta jualan kereta penumpang baharu yang lebih rendah. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) turut menurun kepada 71.4 mata (S3 08: 88.9 mata) mencerminkan pandangan lebih pesimistik sektor isi rumah terhadap prospek pekerjaan dan jangkaan pendapatan.

Penggunaan awam meningkat dengan kukuh sebanyak 13.8% pada suku keempat hasil daripada perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen, manakala bagi bekalan dan perkhidmatan, kadar peningkatan perbelanjaannya kekal tinggi.

Sentimen perniagaan dan pengguna pesimistik



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

Pembentukan modal tetap merosot 10.2% pada suku keempat, terutamanya disebabkan oleh aktiviti pelaburan awam dan swasta yang lebih rendah. Bagi pelaburan awam, penurunan adalah disebabkan oleh pengeluaran perbelanjaan pembangunan yang lebih perlahan pada suku tersebut. Aktiviti pelaburan swasta juga terus lembap pada suku itu seperti ditunjukkan oleh penguncupan import barangan modal dan pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perkilangan dan pembinaan. Keyakinan sektor perniagaan juga nyata makin merosot pada suku tersebut berdasarkan Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang menurun sebanyak 45.8 mata daripada suku ketiga kepada 53.8 mata pada suku keempat.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (pada harga tahun 2000)

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	4.7	2.2	3.0	0.5	3.8
Perlombongan	3.5	3.3	-0.3	-5.7	-0.8
Perkilangan	5.6	3.1	1.8	-8.8	1.3
Pembinaan	4.7	4.6	1.2	-1.6	2.1
Perkhidmatan	9.3	9.7	7.1	5.6	7.3
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**7.3**	**6.3**	**4.7**	**0.1**	**4.6**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**0.8**	**6.3**	**3.1**	**-3.6**	**4.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan semua sektor ekonomi menurun

Dari segi **penawaran**, pertumbuhan kesemua sektor ekonomi adalah lebih rendah. Nilai ditambah sektor perkilangan merosot dengan ketara, sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan dalam industri berorientasikan eksport, terutama industri elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E). Pengeluaran sektor perlombongan turut menguncup disebabkan pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah, manakala sektor pertanian pula mencatat pertumbuhan lebih kecil berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih sederhana dan kemerosotan pengeluaran getah. Aktiviti pembinaan juga menguncup berikutan prestasi subsektor kejuruteraan awam yang lebih lembap. Sementara itu, pertumbuhan sektor perkhidmatan menjadi sederhana berikutan pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit serta subsektor kewangan dan insurans yang lebih perlahan. Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta utiliti pula mengalami kemerosotan.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan berterusan

Sektor perkhidmatan terus berdaya tahan dan mencatat pertumbuhan 5.6% pada suku keempat hasil daripada pertumbuhan

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2007 (%)	2007		2008		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**10.2**	**11.7**	**6.1**	**2.7**	**6.0**
Kewangan & insurans	19.9	10.0	11.1	10.0	3.5	7.7
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.8	11.1	18.2	-2.2	-0.4	1.5
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	12.4	10.0	5.9	1.0	6.1
Komunikasi	7.0	7.2	7.0	7.4	6.3	7.3
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**8.6**	**8.1**	**7.9**	**7.8**	**8.4**
Elektrik, gas & air	5.6	3.0	3.9	2.5	-2.6	2.1
Perniagaan borong & runcit	22.8	12.9	12.5	9.4	5.9	9.8
Penginapan & restoran	4.4	12.3	10.8	4.6	7.4	7.3
Perkhidmatan Kerajaan	12.9	5.0	4.5	11.2	18.2	11.9
Perkhidmatan lain	10.6	5.4	5.0	5.0	4.7	4.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**9.3**	**9.7**	**7.1**	**5.6**	**7.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2007	2008			
	S4	S1	S2	S3	S4
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	110.7	115.5	70.6	88.9	71.4
Indeks Perdagangan Runcit MIER	141.2	106.1	94.5	116.5	52.7
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	133.6	120.3	107.5	109.2	94.0
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.3	7.6	9.6	9.7	9.0
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	7.2	10.1	15.4	14.0	8.9
Import barangan penggunaan	3.8	5.6	21.3	16.2	4.1
Jumlah jualan kenderaan bermotor	19.0	24.6	27.1	10.5	-8.3
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Kelang dan PTP)	14.4	9.7	9.4	16.4	-3.9

Sumber: Pelbagai sumber

subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran. Berikutan itu, sektor perkhidmatan kekal sebagai tunggak utama pertumbuhan dengan sumbangan sebanyak 3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** berkembang lebih sederhana pada 5.9% (S3 08: 9.4%) berikutan perbelanjaan runcit terhadap barangan perlu yang terus meningkat di samping Jualan Penjimatan Akhir Tahun Malaysia dan bilangan ketibaan pelancong yang meningkat. Kesemua faktor ini telah lebih daripada mengimbangi pertumbuhan segmen perdagangan kenderaan bermotor yang amat sederhana. Subsektor **penginapan dan restoran** dan **perkhidmatan lain** masing-masing berkembang 7.4% dan 4.7%, hasil daripada promosi besar-besaran menggalakkan pelancongan dalam negara yang menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan rekreasi dan yang berkaitan dengan hiburan.

Pada suku keempat, subsektor **komunikasi** berjaya mengekalkan momentum pertumbuhannya yang memberangsangkan dengan berkembang 6.3% (S3 08: 7.4%). Pada akhir suku ini, kadar penembusan telefon bimbit dan jalur lebar masing-masing meningkat kepada 96.8% dan 21.1%, hasil promosi inovatif oleh penyedia telekomunikasi.

Subsektor **kewangan dan insurans** meningkat dengan lebih sederhana kepada 3.5% (S3 08: 10%) berikutan pendapatan berasaskan fi sistem perbankan yang menurun akibat aktiviti pasaran modal yang lebih rendah. Sebagai mencerminkan sikap berhati-hati pemohon pinjaman, permohonan pinjaman baharu dan kelulusan turut merosot pada suku itu. Namun, aktiviti pemberian pinjaman lebih giat seperti ditunjukkan oleh pertambahan jumlah pinjaman terkumpul (+12.8%; S3 08: +10.6%). Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan terus meningkat dengan kukuh dan berkembang 5.3% (S3 08: 5.5%). Sementara itu, aktiviti dalam segmen insurans, iaitu insurans hayat dan am lebih perlahan seperti yang dicerminkan oleh pendapatan premium yang lebih rendah daripada perniagaan baharu dan jualan kenderaan. Sebaliknya, subsektor **perkhidmatan Kerajaan** meningkat pada suku itu mencerminkan pembayaran emolumen dan bonus yang lebih tinggi.

Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 1% (S3 08: 5.9%) disebabkan perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo mula menunjukkan tanda-tanda menerima kesan daripada persekitaran ekonomi luaran yang merosot. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat penurunan suku kedua berturut-turut, sebahagian besarnya disebabkan oleh pasaran saham yang lebih rendah dan aktiviti berkaitan harta tanah yang kurang giat pada suku itu. Sementara itu, subsektor **utiliti** mencatat penguncupan pertama sejak tahun 1997 akibat terjejas oleh permintaan yang lebih rendah terhadap bekalan elektrik, terutamanya daripada sektor perkilangan.

Sektor perkilangan menguncup

Nilai ditambah **sektor perkilangan** menguncup dengan ketara sebanyak 8.8% pada suku keempat 2008 (S3 08: 1.8%) disebabkan oleh permintaan luaran yang lemah dan keadaan ekonomi dalam negeri yang kian lembap.

Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** merosot dengan ketara apabila **industri elektronik dan elektrik** (E&E) mencatat penurunan yang besar (-18.3%; S3 08: -4.1%). Kemerosotan industri E&E adalah sejajar dengan penguncupan ketara dalam permintaan global. Banyak pengilang menggunakan pelbagai langkah penjimatan kos sebagai tindak balas terhadap penurunan dalam permintaan ini. Langkah ini termasuk menutup kilang buat sementara dan mengurangkan bilangan hari bekerja dalam seminggu. Keluaran **industri berasaskan sumber** turut menguncup pada suku ini. Permintaan luaran yang lembap dan pertumbuhan industri kelengkapan pengangkutan yang lebih sederhana telah mengakibatkan penurunan dalam pengeluaran segmen bahan kimia dan produk plastik. Pertumbuhan sederhana dalam input bagi pengeluaran serta penurunan harga komoditi menjelang akhir tahun telah menjejaskan prestasi segmen petroleum dan pemprosesan luar estet. Sementara itu, permintaan yang terus meningkat terhadap sarung tangan getah perubatan dan penjagaan diri telah menyokong industri keluaran getah.

Keluaran **industri berorientasikan dalam negeri** merosot pada suku keempat, terutamanya kerana terjejas oleh pengeluaran bahan berkaitan pembinaan yang lebih rendah ekoran aktiviti sektor pembinaan yang lebih perlahan. Pertumbuhan kukuh produk berkaitan pengguna sedikit sebanyak telah mengurangkan kesan penurunan ini.

Dengan keadaan permintaan yang lemah ini, kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan lebih rendah pada 67% pada suku keempat (S3 08: 77%), dengan industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada kadar 67% dan 65% (S3 08: masing-masing 77% dan 75%).

Prestasi Sektor Perkilangan

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (Harga Malar)	**5.6**	**3.1**	**1.8**	**-8.8**	**1.3**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.8**	**1.8**	**0.8**	**-10.4**	**0.2**
Industri berorientasikan eksport	**3.4**	**0.8**	**-1.1**	**-12.3**	**-1.7**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	5.5	-0.9	-4.1	-18.3	-4.4
Elektronik	10.3	1.5	-6.8	-20.4	-5.6
Barangan elektrik	-9.5	-8.7	5.6	-10.0	0.0
Bahan kimia dan keluaran kimia	-1.4	1.8	7.3	-7.7	1.6
Keluaran petroleum[1]	3.7	5.4	-1.7	-5.2	-0.2
Keluaran getah	1.6	5.9	2.7	2.2	3.6
Pemprosesan luar estet	12.0	-0.5	3.6	1.8	9.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**10.7**	**6.3**	**8.4**	**-2.5**	**8.1**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan[2]	5.1	5.1	7.4	-4.9	6.5
Keluaran logam yang direka	19.0	19.4	-6.4	-19.7	-0.9
Kelengkapan pengangkutan	15.3	25.5	25.5	14.9	23.5
Makanan	8.3	6.7	6.7	0.5	7.1

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baharu, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport

[2] Termasuk besi & keluli dan logam bukan ferum serta keluaran galian bukan logam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan* selari dengan Pengeluaran



* Mulai tahun 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**4.7**	**2.2**	**3.0**	**0.5**	**3.8**
Tanaman Industri	**6.1**	**0.0**	**0.6**	**-2.9**	**3.2**
Tanaman Makanan	**2.8**	**5.3**	**6.4**	**5.5**	**4.7**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	12.9	-0.4	4.9	3.6	12.1
Getah	-7.6	-6.6	-4.2	-28.4	-10.1
Ikan	4.9	0.2	10.7	7.1	5.2
Ternakan	6.5	9.9	9.9	3.0	4.3

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**3.5**	**3.3**	**-0.3**	**-5.7**	**-0.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	5.8	2.4	3.5	-5.6	2.0
Gas asli	-1.8	1.9	-6.4	-5.5	-4.9

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Pembinaan

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	-3.1	2.0	-30.1	-47.8	-18.9
Kelulusan perumahan	-6.0	-11.5	-51.5	-53.8	-18.8
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	5.1	5.0	7.4	-4.9	6.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	27.7	54.8	-13.4	-25.2	-1.7
Import bahan pembinaan dan bahan galian	38.8	12.9	5.2	-15.8[1]	2.3[2]

[1]Okt-Nov 2008
[2]Jan-Nov 2008

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti dalam sektor komoditi menurun

Sektor pertanian mencatat pertumbuhan lebih rendah pada 0.5% (S3 08: 3%) pada suku keempat lantaran penurunan pengeluaran minyak sawit (3.6%; S3 08: 4.9%) ekoran penurunan kadar hasil. Pengeluaran getah pula merosot dengan ketara sebanyak 28.4% memandangkan harga yang lebih rendah telah menjejaskan aktiviti menoreh pekebun kecil. Sementara itu, **sektor perlombongan** menguncup 5.7% berikutan kemerosotan berterusan pengeluaran gas asli sebanyak 5.5% dan pengeluaran minyak mentah sebanyak 5.6% kepada 678,914 tong sehari.

Pertumbuhan sektor pembinaan lebih perlahan

Sektor pembinaan merosot 1.6% pada suku keempat (S3 08: 1.2%), susulan aktiviti dalam sektor kejuruteraan awam yang lebih rendah. Namun, aktiviti dalam segmen kediaman masih menggalakkan, disokong oleh aktiviti pembinaan rumah bernilai tinggi yang sedang dijalankan. Segmen bukan kediaman pula terus meningkat disebabkan pembinaan bangunan pejabat, khususnya di Lembah Kelang, dan juga pembinaan kemudahan di kampus universiti.

Kadar inflasi menjadi lebih sederhana pada suku keempat

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna menurun kepada 5.9% pada suku keempat 2008 (S3 08: 8.4%), terutamanya disebabkan oleh beberapa siri penurunan harga runcit bahan api oleh Kerajaan. Hasilnya, inflasi dalam kategori *pengangkutan* menjadi lebih sederhana kepada 6.6% pada suku keempat (S3 08: 20.9%) lantas menyumbangkan 91.1% kepada penurunan keseluruhan inflasi pada suku itu. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* juga menurun sedikit kepada 11.2% pada tempoh tersebut (S3 08: 11.7%). Walau bagaimanapun, inflasi dalam kategori *minuman beralkohol dan tembakau* meningkat kepada 8.4% (S3 08: 3.1%) sebagai mencerminkan kenaikan 20% dalam duti eksais ke atas rokok pada bulan September.

Trend inflasi yang menurun dijangka berterusan pada tahun 2009. Pertumbuhan ekonomi yang kian perlahan dijangka dapat meredakan tekanan terhadap harga dalam negeri.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot dengan nyata kepada 0.1% pada suku keempat 2008 (S3 08: 11.4%). Penurunan harga pengeluar adalah menyeluruh dengan kesemua komponen IHPR mencatat kadar inflasi lebih rendah berbanding suku sebelumnya. Harga komponen IHPR berasaskan komoditi jatuh dengan ketara sebanyak 1.7% (S3 08: 33.0%), mencerminkan kejatuhan ketara harga komoditi global. Sementara itu, harga komponen IHPR bukan berasaskan komoditi terus meningkat, namun pada kadar lebih sederhana 0.6% (S3 08: 3%).

Dari segi komposisi, komponen tempatan dan import IHPR mencatat kadar inflasi lebih rendah berbanding suku sebelumnya. Secara purata, harga dalam komponen tempatan IHPR tidak berubah pada suku keempat (S3 08: 15%), manakala harga bagi komponen IHPR yang diimport menurun sedikit sebanyak 0.2% (S3 08: 4.3%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja



*Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 '08

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2007		2008[1]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**7.6**	**2.7**	**16.8**	**-7.4**	**9.6**
Perkilangan	1.2	0.2	8.5	-11.2	1.8
E&E	*-2.5*	*-5.2*	*4.5*	*-16.3*	*-3.4*
Bukan E&E	*7.0*	*9.0*	*14.2*	*-4.3*	*8.9*
Komoditi	1.2	13.4	48.1	6.1	38.5
Pertanian	*31.4*	*24.4*	*37.5*	*-10.4*	*32.3*
Mineral	*37.7*	*7.0*	*55.8*	*16.9*	*42.4*
Import Kasar	**10.9**	**5.0**	**10.1**	**-12.3**	**3.3**
Barangan modal	17.3	7.2	-2.3	-13.2	0.0
Barangan pengantara	13.6	6.9	17.2	-12.4	5.6
Barangan penggunaan	3.8	3.6	16.2	4.1	11.6
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**28.4**	**100.3**	**41.8**	**32.8**	**142.0**

[1]Pengelasan perdagangan Malaysia telah disemak pada bulan April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdagangan antarabangsa iaitu *Harmonised System* (HS), *ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature* (AHTN) dan *Standard International Trade Classification* (SITC)

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan pasaran pekerja lebih lemah

Keadaan pasaran pekerja lebih lemah pada suku keempat, seperti ditunjukkan oleh bilangan pemberhentian pekerja yang meningkat, manakala permintaan terhadap pekerja pula semakin sederhana. Bilangan pemberhentian pekerja yang dilaporkan oleh Kementerian Sumber Manusia meningkat kepada 7,254 orang (S3 08: 3,997 orang), mencerminkan pertambahan pemberhentian pekerja dalam kesemua sektor. Memandangkan permintaan luaran merosot dengan ketara, kira-kira 68% daripada bilangan pemberhentian pekerja adalah dalam sektor perkilangan, terutamanya industri E&E (50% daripada jumlah pemberhentian pekerja). Sementara itu, pemberhentian pekerja dalam sektor perkhidmatan (27% daripada jumlah pemberhentian pekerja), sebahagian besarnya adalah dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta subsektor penginapan dan restoran. Ekoran ketidakpastian dalam persekitaran perniagaan, bilangan kekosongan jawatan dalam Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) menurun kepada 264,674 jawatan (S3 08: 282,006 jawatan) dengan kekosongan jawatan bagi kategori pekerjaan peringkat pertengahan dan rendah semakin berkurang. Dalam sektor perkilangan, produktiviti pekerja merosot 6.8% (S3 08: 6.5%) sejajar dengan prestasi jualan yang lebih lemah.

Eksport dan import menguncup

Eksport dan import kasar masing-masing menguncup 7.4% dan 12.3% pada suku keempat 2008. Permintaan luaran yang ketara lebih lemah pada suku keempat mengakibatkan penurunan yang nyata dalam eksport perkilangan dan pertumbuhan eksport komoditi yang lebih sederhana. **Lebihan perdagangan** juga lebih kecil pada RM32.8 bilion pada suku itu (S3 08: RM41.8 bilion).

Malaysia: Destinasi Eksport

	2007		2008			2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-15.8**	**-14.5**	**-9.9**	**-22.2**	**-12.5**	**14.3**	**15.6**	**11.9**	**12.1**	**12.5**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**-3.2**	**3.6**	**1.0**	**-14.1**	**-3.8**	**12.5**	**12.9**	**11.1**	**11.6**	**11.3**
Negara ASEAN terpilih[2]	**15.0**	**1.2**	**20.7**	**-15.1**	**9.9**	**26.4**	**25.5**	**25.8**	**24.2**	**25.6**
Negara Timur Laut Asia	**19.2**	**10.4**	**26.7**	**-18.3**	**10.9**	**20.5**	**19.9**	**21.2**	**18.1**	**20.1**
Republik Rakyat China	*32.5*	*24.3*	*35.4*	*-18.4*	*19.2*	*9.5*	*8.8*	*10.7*	*8.4*	*9.5*
Hong Kong SAR	*13.1*	*-4.0*	*9.3*	*-22.6*	*1.3*	*4.7*	*4.6*	*4.3*	*4.0*	*4.3*
China Taipei	*1.6*	*2.6*	*14.2*	*-22.2*	*-1.4*	*2.6*	*2.7*	*2.6*	*2.2*	*2.4*
Korea	*11.5*	*8.2*	*38.1*	*-10.1*	*12.4*	*3.7*	*3.8*	*3.6*	*3.6*	*3.9*
Asia Barat	**2.6**	**18.1**	**54.6**	**29.7**	**38.1**	**2.9**	**3.1**	**4.5**	**4.0**	**3.9**
India	**2.5**	**7.6**	**19.1**	**9.9**	**22.4**	**3.4**	**3.3**	**3.7**	**4.0**	**3.7**
Jumlah eksport	**7.6**	**2.7**	**16.8**	**-7.4**	**9.6**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 mulai tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemerosotan yang nyata dalam **eksport perkilangan** mencerminkan penguncupan eksport kedua-dua keluaran E & E dan bukan E&E. Eksport elektronik terus merosot disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih lemah dari Amerika Syarikat (AS), Jepun, European Union (EU) dan negara-negara serantau di samping harga separa konduktor global yang lebih rendah. Sementara itu, pertumbuhan eksport barangan elektrik bertukar menjadi negatif disebabkan oleh kemerosotan menyeluruh dalam permintaan terhadap keluaran perindustrian, komersial dan isi rumah. Eksport bukan E&E bagi kedua-dua keluaran berasaskan sumber dan bukan sumber juga mencatat pertumbuhan negatif disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan harga komoditi yang lebih rendah. Eksport kimia dan keluaran kimia, getah dan keluaran petroleum yang lebih lemah mencerminkan harga komoditi yang lebih rendah, manakala kemerosotan eksport keluaran besi dan keluli, serta pengilangan logam dan plastik disebabkan oleh permintaan yang lebih perlahan.

Pertumbuhan **eksport komoditi** mengalami penyederhanaan yang ketara disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih rendah. Meskipun harga yang lebih rendah dan permintaan yang lebih lemah terhadap minyak sawit mentah dan getah menyebabkan pertumbuhan negatif dalam eksport pertanian,

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

penyederhanaan eksport mineral disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga minyak mentah yang mendadak. Walau bagaimanapun, eksport LNG sedikit sebanyak terus menyokong pertumbuhan eksport.

Sejajar dengan kemerosotan yang lebih ketara eksport perkilangan dan aktiviti pelaburan swasta yang lebih perlahan, **import kasar** menguncup dengan nyata, mencerminkan kemerosotan barangan pengantara dan modal. Sementara itu, pertumbuhan import barangan penggunaan menjadi sederhana memandangkan sikap berbelanja pengguna yang lebih berhati-hati dan berhemat.

Aliran masuk bersih FDI yang lebih tinggi dan aliran keluar bersih dana portfolio yang lebih rendah

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)**[2] lebih rendah dengan ketara sebanyak RM9.3 bilion pada suku keempat (S3 08: RM21.6 bilion), mencerminkan terutamanya penurunan pinjaman antara syarikat. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih berjumlah RM3.4 bilion (S3 08: RM2 bilion). Pada suku keempat, FDI bersih disalurkan terutamanya kepada sektor minyak dan gas, diikuti sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan. FDI dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya kepada subsektor kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor pengangkutan dan komunikasi. Sementara itu, FDI dalam sektor perkilangan disalurkan terutamanya untuk pengeluaran sel solar dan aktiviti petroleum hiliran.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia lebih rendah, mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.6 bilion (S3 08: -RM16 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemberian bersih pinjaman antara syarikat yang lebih rendah kepada syarikat subsidiari di luar negara. Sebahagian besar pelaburan luar negeri adalah dalam sektor perkhidmatan, khususnya untuk menyempurnakan pengambilalihan pegangan strategik dalam subsektor kewangan dan insurans Indonesia serta pelaburan dalam subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan disalurkan terutamanya kepada industri barangan elektrik dan elektronik dan industri automotif.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM24.8 bilion (S3 08: -RM38 bilion), mencerminkan terutamanya penjualan bersih instrumen hutang yang lebih rendah oleh pelabur asing. Sejumlah besar aliran keluar pada suku keempat disebabkan oleh penjualan bersih ekuiti, khususnya pada bulan Oktober 2008 apabila proses penjualan memuncak. Walau bagaimanapun, aliran keluar berkurang selepas itu apabila penjualan saham global mulai berkurang menjelang akhir tahun.

[2] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Hutang luar negeri menurun

Pada akhir tahun 2008, jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM235.6 bilion atau USD67.2 bilion (akhir bulan September 2008: RM253.9 atau USD72.7 bilion), bersamaan dengan 33.6% daripada pendapatan negara kasar (PNK). **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** bertambah kepada RM155.6 bilion, disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun pada suku keempat. Pertambahan ini juga disebabkan oleh pengeluaran bersih pinjaman luar negeri oleh sektor swasta (+RM1 bilion). Sementara itu, sektor awam terus mencatat pembayaran balik bersih (-RM0.4 bilion).

Jumlah hutang luar negeri jangka pendek menurun dengan ketara kepada RM80 bilion atau USD22.8 bilion disebabkan terutamanya oleh aktiviti pembayaran balik hutang oleh beberapa bank asing berikutan kedudukan kewangan mereka yang lebih lemah. Pada akhir tahun 2008, hutang jangka pendek mencakupi 34% daripada jumlah hutang luar negeri dan 25.3% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008	
	S3	S4[a]
	RM bilion	
Hutang jangka sederhana dan panjang	151.3	155.6
Sektor awam	77.8	79.9
Sektor swasta	73.5	75.7
Hutang jangka pendek[1]	102.6	80.0
Jumlah hutang luar negeri	253.9	235.6
- Bersamaan USD bilion	72.7	67.2

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM316.8 bilion (bersamaan dengan USD91.3 bilion) pada 31 Disember 2008. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi pengurangan nilai rizab akibat penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama pada suku keempat. Rizab berjumlah RM317.7 bilion (bersamaan dengan USD91.6 bilion) pada 13 Februari 2009. Paras rizab antarabangsa ini memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan ialah 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit fiskal sebanyak 4.8% pada tahun 2008

Kerajaan Persekutuan memperhebat usahanya untuk meningkatkan pengeluaran dana pada suku keempat. Akibatnya, operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan telah mengembang, mencatat defisit fiskal sebanyak 4.8% daripada KDNK pada tahun 2008 (S4 08: -10.3% daripada KDNK). Perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi dicatat pada tempoh tersebut, terutamanya untuk bayaran bekalan dan perkhidmatan serta subsidi. Perbelanjaan pembangunan lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya, dengan dana disalurkan terutamanya kepada sektor perdagangan dan industri, pertahanan, dan pendidikan. Sementara itu, hasil daripada cukai jualan, cukai pendapatan korporat dan perolehan minyak merupakan penyumbang utama kepada jumlah hasil. Defisit fiskal dibiayai terutamanya daripada peminjaman dalam negeri. Pada akhir tahun 2008, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM306.4 bilion atau 40.7% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2007		2008[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	48.2	139.9	45.7	46.3	159.8
% pertumbuhan	*40.0*	*13.2*	*37.3*	*-3.9*	*14.2*
Perbelanjaan mengurus	42.9	123.1	41.4	48.9	153.5
% pertumbuhan	*7.3*	*14.3*	*22.7*	*13.8*	*24.7*
Akaun semasa	**5.3**	**16.8**	**4.3**	**-2.6**	**6.3**
% daripada KDNK	***3.0***	***2.6***	***2.2***	***-1.4***	***0.8***
Perbelanjaan pembangunan kasar	18.2	40.6	12.5	16.0	42.8
% pertumbuhan	*-6.0*	*13.3*	*16.2*	*-12.0*	*5.6*
Imbangan keseluruhan	**-10.5**	**-20.7**	**-7.8**	**-18.2**	**-35.6**
% daripada KDNK	***-5.9***	***-3.2***	***-3.9***	***-10.3***	***-4.8***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	61.1	163.6	53.9	64.9	196.3
% pertumbuhan	*3.0*	*14.0*	*21.1*	*6.2*	*20.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	266.7	266.7	288.1	306.4	306.4
% daripada KDNK	*41.6*	*41.6*	*38.9*	*41.4*	*41.4*
Hutang dalam negeri	247.1	247.1	268.7	286.1	286.1
% daripada KDNK	*38.5*	*38.5*	*36.3*	*38.6*	*38.6*
Hutang luar negeri	19.6	19.6	19.4	20.3	20.3
% daripada KDNK	*3.1*	*3.1*	*2.6*	*2.7*	*2.7*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah menurun berikutan penurunan OPR

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan 25 mata asas pada bulan November 2008 dan sebanyak 75 mata asas lagi pada bulan Januari 2009. Bagi mengurangkan lagi kos pengantaraan, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) diturunkan serentak masing-masing sebanyak 50 dan 150 mata asas. Langkah pelarasan menurun yang ketara ini bertujuan untuk melaksanakan rangsangan kewangan awalan bagi menyokong permintaan dalam negeri. Ini memandangkan risiko pertumbuhan yang lebih rendah semakin meningkat sementara keadaan tekanan inflasi semakin reda. Kemelesetan ekonomi global yang semakin ketara pada suku keempat dan risiko penguncupan yang lebih tinggi terhadap ekonomi dalam negeri telah membawa kepada pengurangan seterusnya terhadap OPR sebanyak 50 mata asas dan SRR sebanyak 100 mata asas pada 24 Februari 2009.

Kadar antara bank pelbagai tempoh matang adalah stabil sebelum langkah monetari tersebut diambil. Pada tempoh ini, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Berikutan penurunan OPR, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman menurun dan stabil pada julat lebih rendah 3.24% - 3.25% pada tempoh 25 November – 31 Disember 2008. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut berada pada paras yang rendah, dan terus stabil pada paras baharu pada tempoh yang sama.

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan lebih rendah pada 6.48% pada suku keempat (akhir bulan September 2008: 6.72%), disebabkan penurunan BLR oleh 20 buah bank sejajar dengan penurunan OPR. Oleh

Kadar Faedah

	2007	2008	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.50	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	3.49	3.49	3.25
1 bulan	3.56	3.57	3.30
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	6.72	6.48
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.29	5.96	5.86
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.15	3.14	3.04
12 bulan	3.70	3.70	3.50

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

itu, pinjaman sedia ada dengan kadar boleh ubah telah disemak dan diturunkan pada suku keempat. Pinjaman baharu juga telah diberikan pada kadar yang lebih rendah selepas penurunan OPR. Hasilnya, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun kepada 5.86% pada akhir bulan Disember 2008, berbanding dengan 5.96% pada akhir bulan September 2008. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan turut menurun pada suku keempat. Penurunan kadar FD amat ketara bagi tempoh pemegangan 12 bulan, setelah kadar lantai diturunkan sebanyak 20 mata asas kepada 3.50%. Pada akhir bulan Disember 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan masing-masing berada dalam julat 3.01% dan 3.5%.

Berbanding dengan kadar nominal, kadar faedah sebenar meningkat pada suku keempat kerana inflasi mengalami penyederhanaan yang lebih cepat berbanding dengan penurunan kadar faedah.

M3 meningkat pada kadar lebih sederhana

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM19 bilion pada suku keempat 2008. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tahunan M3 terus sederhana, menurun kepada 11.9% pada akhir bulan Disember 2008 (akhir bulan September 2008: 13.5%) berikutan aliran keluar dana luar dalam jumlah besar disebabkan penghantaran balik dana oleh pelabur global. Akibatnya, aset asing bersih memberikan kesan penguncupan terhadap wang secara luas pada suku keempat.

Sebaliknya, faktor-faktor domestik menyokong pertumbuhan wang secara luas. Perbelanjaan Kerajaan yang lebih besar memberikan kesan pengembangan terhadap M3. Sementara itu, tuntutan terhadap sektor swasta juga meningkat, apabila institusi perbankan terus memberikan pinjaman kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, pinjaman terkumpul meningkat dalam jumlah yang lebih sederhana pada suku keempat.

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2007		2008		
	S3	S4	S2	S3	S4
	RM bilion				
M3	**15.6**	**28.5**	**14.7**	**13.7**	**19.0**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	10.6	8.5	-5.1	14.5	23.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	32.9	-0.8	26.1	32.7	19.0
Pinjaman	*30.6*	*-0.6*	*23.5*	*25.6*	*10.9*
Sekuriti	*2.3*	*-0.2*	*2.7*	*7.1*	*8.1*
Aset luar bersih[1]	-21.2	21.1	2.9	-57.3	-38.8
BNM	*-7.6*	*7.2*	*15.9*	*-32.2*	*-49.2*
Sistem perbankan	*-13.5*	*14.0*	*-13.0*	*-25.0*	*10.5*
Pengaruh lain	-6.7	-0.4	-9.3	23.8	15.6

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2007	S4 07	S3 08	S4 08	2007	S3 08	S4 08
Jumlah pembiayaan kasar	**648.9**	**182.6**	**180.8**	**167.1**	**17.4**	**4.8**	**-8.5**
Pengeluaran pinjaman*	575.3	150.0	168.1	157.9	10.6	5.5	5.3
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	66.5	28.7	10.5	9.0	116.4	-12.9	-68.9
Ekuiti	7.1	3.8	2.2	0.2	272.0	93.9	-94.2
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**88.0**	**20.1**	**30.4**	**16.1**	**11.3**	**13.4**	**12.7**
Sistem perbankan	59.7	5.6	28.8	15.7	9.3	11.2	12.5
Pinjaman terkumpul (A)	*51.2*	*-0.1*	*26.8*	*13.8*	*8.6*	*10.6*	*12.8*
Pegangan PDS	*8.5*	*5.7*	*1.9*	*1.9*	*17.6*	*18.5*	*9.9*
PDS terkumpul (B)	36.8	20.2	3.5	2.2	19.6	22.4	12.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	69.4	28.7	11.0	9.0	78.4	-8.8	-68.9

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

M1 juga meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.3%, atau RM3.3 bilion pada suku keempat.

Pembiayaan sektor swasta pada suku kempat terus stabil

Pada suku keempat, keadaan kredit di Malaysia masih lagi baik walaupun keadaan kewangan dan ekonomi global semakin merosot. Meskipun penunjuk pinjaman menunjukkan permintaan terhadap kredit berkurang sedikit, permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus disokong oleh institusi perbankan dalam negeri. Justeru, pembiayaan kasar keseluruhan yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah stabil pada RM167.1 bilion pada suku keempat (purata suku tahunan sebanyak RM157.7 bilion pada tempoh 2006 – 2008). Pada suku keempat, terbitan baharu PDS lebih rendah sedikit, terutamanya pada bulan November, disebabkan syarikat-syarikat telah menangguhkan terbitan bon. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat 12.7% pada akhir tahun 2008 (akhir bulan September 2008: 13.4%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penguncupan eksport dan pelaburan serta penyederhanaan dalam kepesatan aktiviti penggunaan swasta pada suku keempat menyebabkan permintaan terhadap pembiayaan yang lebih perlahan daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah. Dalam sektor perniagaan, permohonan terhadap pinjaman baharu merosot dalam kesemua sektor ekonomi, kecuali sektor perdagangan borong dan runcit. Sungguhpun institusi perbankan pada awalnya menunjukkan sikap berhati-hati dalam menyediakan kredit, namun institusi tersebut terus bersedia menawarkan kemudahan kredit.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2007	S4 07	S3 08	S4 08	2007	S4 07	S3 08	S4 08
Jumlah								
Permohonan pinjaman	457.5	131.2	136.0	103.4	52.1	71.0	10.4	-21.2
Kelulusan pinjaman	298.6	87.9	78.2	61.6	58.6	77.1	5.1	-30.0
Pengeluaran pinjaman	575.3	150.0	168.1	157.9	10.6	18.0	5.5	5.3
Bayaran balik pinjaman	518.7	153.8	145.6	143.4	8.5	25.6	17.6	-6.8
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	51.2	-0.1	26.8	13.8	8.6	8.6	10.6	12.8
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	262.6	77.3	74.8	51.9	63.1	87.3	9.5	-32.9
Kelulusan pinjaman	181.5	56.7	39.4	29.5	88.4	101.8	-4.2	-48.0
Pengeluaran pinjaman	405.8	105.1	120.8	112.6	9.7	17.2	6.1	7.1
Bayaran balik pinjaman	370.3	115.0	104.3	101.9	5.3	30.2	21.0	-11.4
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	24.4	-10.1	14.1	-1.4	10.3	10.3	9.5	13.2
PKS**								
Permohonan pinjaman	99.1	26.0	29.1	20.2	38.8	31.5	1.4	-22.5
Kelulusan pinjaman	55.1	13.9	13.8	11.8	37.1	17.0	-14.7	-14.5
Pengeluaran pinjaman	141.7	37.6	43.2	39.6	5.6	13.4	19.9	5.2
Bayaran balik pinjaman	126.8	34.6	38.2	36.1	3.5	10.2	23.0	4.5
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	9.5	1.8	2.6	0.1	9.1	9.1	11.0	9.4
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	163.5	51.3	45.6	31.7	82.4	138.7	15.4	-38.1
Kelulusan pinjaman	126.4	42.9	25.5	17.7	125.2	163.6	2.8	-58.8
Pengeluaran pinjaman	264.1	67.5	77.6	73.0	12.1	19.4	-0.3	8.2
Bayaran balik pinjaman	243.5	80.4	66.1	65.8	6.2	41.3	19.8	-18.2
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	14.9	-11.9	11.5	-1.5	11.3	11.3	8.4	16.2
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	194.9	53.9	61.2	51.5	39.4	51.9	11.4	-4.4
Kelulusan pinjaman	117.1	31.2	38.8	32.1	27.3	44.8	16.5	2.8
Pengeluaran pinjaman	169.5	44.9	47.3	45.4	12.8	19.9	4.2	1.0
Bayaran balik pinjaman	148.5	38.8	41.4	41.5	17.3	13.8	9.8	7.0
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	24.5	7.2	9.8	7.9	7.4	7.4	9.1	9.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2007	S4 07	S3 08	S4 08		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**405.8**	**105.1**	**120.8**	**112.6**	**71.3**	**46.6**
Syarikat besar	*264.1*	*67.5*	*77.6*	*73.0*	*46.2*	*29.4*
*PKS**	*141.7*	*37.6*	*43.2*	*39.6*	*25.0*	*17.2*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	14.1	3.6	4.2	3.9	2.5	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.7	0.5	0.5	0.3	0.3
Perkilangan	134.9	35.0	40.5	34.9	22.1	11.2
Pembinaan	32.6	8.3	8.7	8.0	5.1	4.8
Harta tanah	12.3	3.6	4.0	4.7	3.0	3.5
Bekalan elektrik, gas dan air	1.3	0.4	0.3	1.0	0.6	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	91.5	25.4	31.6	27.5	17.4	8.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	32.1	5.6	7.9	3.3	2.1	3.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	45.7	11.9	13.3	15.0	9.5	6.6
Isi rumah	**169.5**	**44.9**	**47.3**	**45.4**	**28.7**	**53.4**
Pembelian harta kediaman	39.9	11.1	12.2	12.3	7.8	25.4
Kredit penggunaan	109.4	29.2	29.9	27.8	17.6	21.4
Antaranya:						
Kad kredit	*57.9*	*15.4*	*14.8*	*15.2*	*9.6*	*3.4*
Pembelian kereta penumpang	*27.8*	*7.4*	*9.0*	*6.8*	*4.3*	*13.7*
Lain-lain	20.2	4.6	5.2	5.2	3.3	6.5
Jumlah	**575.3**	**150.0**	**168.1**	**157.9**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kelulusan pinjaman perniagaan berbanding permohonan meningkat daripada 52.6% pada suku ketiga kepada 56.8% pada suku keempat. Sementara itu, pengeluaran pinjaman kepada perniagaan terus mencatat pertumbuhan tahunan yang positif. Khususnya, pinjaman yang dikeluarkan bagi tujuan modal kerja terus meningkat 12.3% pada suku keempat (S3 08: 32%). Dengan itu, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.2% pada akhir bulan Disember 2008.

Bagi sektor isi rumah, kebimbangan terhadap unjuran pendapatan mendorong sikap berbelanja pengguna yang lebih berhati-hati dan penyederhanaan dalam permohonan pinjaman pengguna. Keadaan penawaran bagi pinjaman isi rumah terus memuaskan, dengan nisbah pinjaman isi rumah yang diluluskan berbanding dengan pinjaman yang dipohon terus melebihi 60%. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah terus mencatat pertumbuhan tahunan yang positif, disokong terutamanya oleh pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi. Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 9.1% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2008: 9.1%).

Pemerolehan dana bersih yang lebih tinggi dalam pasaran modal

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal sebanyak RM14.3 bilion pada suku keempat (S3 08: RM6.6 bilion). Pertambahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pemerolehan dana yang lebih tinggi oleh sektor awam. Dana diperoleh melalui terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) untuk 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun. Selepas pelarasan bagi penebusan, pemerolehan dana bersih oleh sektor awam berjumlah RM13.9 bilion.

Sementara itu, dana kasar yang diperoleh sektor swasta daripada pasaran PDS menurun daripada RM11 bilion pada suku ketiga kepada RM9 bilion pada suku keempat. Penerbit menangguhkan terbitan mereka pada bulan November kerana

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Oleh Sektor Awam	**(5,946)**	**25,178**	**680**	**13,859**	**36,188**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	(5,552)	27,187	1,688	14,865	37,720
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*14,048*	*43,187*	*11,337*	*11,965*	*44,618*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*-*	*10,000*	*3,500*	*7,500*	*16,500*
Tolak: Penebusan	*19,600*	*26,000*	*13,149*	*4,600*	*23,399*
Bon Khazanah, *bersih*	-	(496)	(1,000)	(1,000)	(3,000)
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	(394)	(1,513)	(8)	(6)	14
Oleh Sektor Swasta	**6,513**	**20,300**	**5,915**	**451**	**21,114**
Saham	3,819	7,126	2,201	222	5,477
Sekuriti Hutang, *bersih*	2,694	13,174	3,714	229	15,637
Sekuriti Hutang Swasta	*28,746*	*67,606*	*11,001*	*8,953*	*49,658*
Cagamas	*-*	*1,750*	*-*	*-*	*-*
Tolak: Penebusan	*26,052*	*56,182*	*7,287*	*8,724*	*34,021*
Jumlah	**567**	**45,478**	**6,595**	**14,310**	**57,302**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (31 Disember 2007 - 31 Disember 2008)



Sumber: Bloomberg

sektor perniagaan sedang menilai keadaan kredit mereka dalam persekitaran keadaan kewangan global yang sangat tidak menentu. Dana pada suku itu diperoleh syarikat-syarikat dalam subsektor kewangan dan insurans serta subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pada suku ini, kebanyakan PDS diterbitkan untuk menbiayai pelaburan baharu (65.5%).

Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh berjumlah RM222 juta berbanding dengan RM2.2 bilion pada suku ketiga. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh sentimen pasaran yang lemah dan penghindaran risiko yang meningkat. Sejumlah besar dana diperoleh melalui terbitan hak (RM164 juta).

Urus niaga sekunder pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder bertambah kepada RM165.8 bilion pada suku keempat (S3 08: RM160.7 bilion). Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII) mencakupi 93% daripada jumlah urus niaga. Dari segi kecairan, MGS ialah instrumen yang paling cair, mencatat nisbah kecairan 0.69, diikuti oleh GII dengan nisbah kecairan 0.23.

Pada suku keempat, kadar hasil MGS terus menurun disebabkan permintaan yang kukuh oleh pelabur terhadap aset bebas risiko. Selain itu, tanda-tanda tekanan inflasi yang semakin menurun dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kelembapan pertumbuhan ekonomi menyebabkan peningkatan jangkaan bahawa Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) akan diturunkan. Selepas Bank Negara Malaysia mengurangkan OPR pada bulan November 2008, kadar hasil MGS untuk kesemua tempoh matang terus berkurang. Menjelang penghujung tahun, kadar hasil MGS terus susut berikutan jangkaan bahawa kadar faedah akan diturunkan lagi. Pada akhir bulan Disember 2008, MGS untuk 3, 5 dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 66,106 dan 137 mata asas.

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2007		2008		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Indeks Harga					
Komposit	1,445.0	1,445.0	1,018.7	876.8	876.8
FBM30[1]	9,343.7	9,343.7	6,577.7	5,637.7	5,637.7
FBMEMAS[2]	9,810.8	9,810.8	6,755.9	5,726.5	5,726.5
FTSE Papan Kedua	6,732.4	6,732.4	4,978.8	4,007.3	4,007.3
FTSE Mesdaq	6,109.2	6,109.2	3,968.3	3,333.6	3,333.6
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,268.5	1,548.4	437.0	610.1	630.4
Nilai (RM juta)	1,898.7	2,345.7	893.3	907.3	1,277.9
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,106.2	1,106.2	770.5	663.8	663.8
Bilangan syarikat yang disenaraikan	987	987	981	977	977

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2007				2008					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	78,648	117,720	383,991	581,733	27,965	57,172	36,605	54,438	154,459	313,083
Antaranya:										
Papan Utama	50,667	106,134	271,381	520,787	23,195	55,867	31,273	53,316	119,303	301,289
Antaranya:										
Produk Pengguna	1,752	4,777	7,844	20,411	903	2,874	946	2,478	3,671	11,973
Produk Industri	4,906	8,213	29,719	45,069	3,507	4,981	7,609	5,450	17,865	23,704
Pembinaan	3,486	9,748	22,812	57,456	2,995	5,855	3,076	3,967	14,119	30,070
Dagangan/Khidmat	15,545	38,069	72,457	178,208	6,950	19,311	9,327	20,377	35,826	106,698
Kewangan	3,728	17,445	23,640	90,048	1,812	9,155	2,652	10,190	10,846	59,459
Harta Benda	7,300	7,814	50,259	48,685	2,500	1,802	3,044	1,805	12,832	12,076
Perladangan	2,177	9,658	7,526	37,222	1,723	9,166	2,011	6,284	7,524	39,238
Infrastruktur	1,408	4,694	6,284	15,390	511	1,912	787	2,170	3,398	10,713
Papan Kedua	7,254	4,707	34,776	23,887	1,983	919	2,276	739	10,761	6,521
Mesdaq	6,139	3,050	43,276	23,842	1,412	331	1,686	294	11,239	3,921

Sumber: Bursa Malaysia

KLCI menurun pada suku keempat

Pada suku keempat 2008, KLCI menurun sejajar dengan pasaran serantau lain. Prestasi pasaran tempatan yang lemah ini disebabkan oleh kebimbangan terhadap tahap kemelesetan ekonomi global dan jangkaan perolehan syarikat domestik yang lemah. Walau bagaimanapun, penurunan ini telah dikurangkan sebahagiannya oleh sentimen pasaran yang lebih baik berikutan langkah dasar Kerajaan untuk menyokong pertumbuhan. KLCI ditutup lebih rendah pada 876.8 (S3 08: 1,018.7) pada suku keempat. Permodalan pasaran berkurang kepada RM663.8 bilion (S3 08: RM770.5 bilion) dan aktiviti urus niaga meningkat kepada urus niaga purata harian sebanyak 610.1 juta unit (S3 08: 437 juta unit).

Pada 24 Febuari 2009, KLCI ditutup lebih tinggi pada 894.1 (sejak akhir tahun 2008 : + 2.0%), dengan permodalan pasaran yang lebih tinggi pada RM670.2 bilion (sejak akhir tahun 2008:+1%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Okt - 31 Dis 2008)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Ringgit pada amnya menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat susulan aktiviti pembayaran balik hutang global yang

Prestasi Ringgit Berbanding Dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 07	S3 08	S4 08	21 Jul 05	S4 07	S3 08
Dolar AS	3.8000	3.3065	3.4575	3.4640	9.7	-4.5	-0.2
Euro	4.6212	4.8756	4.9636	4.8759	-5.2	-0.0	1.8
Paun sterling	6.6270	6.6070	6.2254	4.9989	32.6	32.2	24.5
100 yen Jepun	3.3745	2.9534	3.3154	3.8327	-12.0	-22.9	-13.5
Dolar Singapura	2.2570	2.2938	2.4153	2.4070	-6.2	-4.7	0.3
100 baht Thai	9.0681	9.8159	10.154	9.9398	-8.8	-1.2	2.2
100 peso Filipina	6.8131	8.0158	7.3159	7.2774	-6.4	10.1	0.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0352	0.0367	0.0316	22.0	11.3	15.9
100 won Korea	0.3665	0.3532	0.2846	0.2750	33.3	28.4	3.5
Renminbi China	0.4591	0.4527	0.5051	0.5076	-9.6	-10.8	-0.5

*(+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai

Sumber: Bank Negara Malaysia

berterusan. Ringgit menyusut nilai kepada RM3.6375 berbanding dengan dolar AS pada 5 Disember 2008 atau penyusutan 13.9% daripada paras tertinggi RM3.1315 yang dicapai pada 23 April 2008. Menjelang akhir tahun 2008, ringgit pulih sedikit dengan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS berada pada RM3.4640 pada 31 Disember 2008, atau 4.5% lebih rendah berbanding dengan paras pada akhir tahun 2007. Pada suku keempat, nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama lain lebih kukuh, antaranya paun sterling sebanyak 24.5% dan euro sebanyak 1.8% ketika kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi di UK dan kawasan euro semakin meningkat. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.3% hingga 15.9% pada suku tersebut, tetapi menyusut nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan renminbi China. Pada tempoh 1 Januari hingga 24 Februari 2009, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.6%, paun sterling sebanyak 6.4% dan yen

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Jepun sebanyak 0.7%, tetapi menambah nilai sebanyak 4.5% berbanding dengan euro. Sungguhpun ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 0.2% hingga 5.6%, ia menambah nilai berbanding dengan won Korea sebanyak 13.2%, rupiah Indonesia sebanyak 3% dan dolar Singapura sebanyak 0.4%.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus berdaya saing dengan penunjuk kekukuhan kewangan utama pada tahap yang memuaskan. Dengan kedudukan kewangan yang teguh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, sistem perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi persekitaran mencabar yang dijangka pada tahun 2009, dan pada masa yang sama meneruskan peranannya sebagai pengantara yang berkesan untuk menyokong keperluan pembiayaan ekonomi negara.

Tahap permodalan terus tinggi

Pada akhir bulan Disember 2008, nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) sistem perbankan masing-masing pada 12.7% dan 10.6%. Modal asas menjadi sederhana sedikit, iaitu sebanyak 0.3%, terutamanya disebabkan oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam syarikat subsidiari. Walau bagaimanapun, modal berlebihan yang melebihi keperluan minimum 8% terus tinggi pada RM38.8 bilion pada akhir tahun 2008.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2007	2008			
	4Q	1Q	2Q	3Q	4Q
Modal					
CCR (%)	10.2	10.4	10.8	10.6	10.6
RWCR (%)	13.2	13.3	13.6	13.0	12.7

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keberuntungan terus tinggi dalam persekitaran mencabar

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai (profit before tax, PBT) sebanyak RM5.1 bilion (S3 08: RM4 bilion) pada suku keempat. Ini disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam aktiviti berkaitan perbendaharaan dan pendapatan faedah daripada aktiviti pengantaraan yang meningkat. Pulangan purata tahunan bagi aset dan ekuiti masing-masing terus stabil pada 1.5% (S3 08: 1.5%) dan 18.6% (S3 08: 18.7%).

Paras pinjaman tak berbayar terus menurun

Kualiti portfolio pinjaman sistem perbankan terus bertambah baik pada suku keempat. Pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih menurun 5.0% kepada RM15.8 bilion (S3 08: RM16.6 biliion) untuk mencakupi 2.2% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir tahun 2008 (S3 08: 2.4%).

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Institusi Kewangan Antarabangsa: "Mempertingkat Daya Tahan dan Kestabilan Sistem Kewangan Islam" Kuala Lumpur, 20 November 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berasa bangga dan berbesar hati kerana dapat berucap di hadapan para hadirin yang dihormati, pada persidangan anjuran bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Institut Kewangan Antarabangsa (IIF). Forum ini penting kerana dianjurkan ketika sistem kewangan antarabangsa dilanda kegawatan. Oleh itu, forum ini memberi peluang kepada kita untuk lebih memahami perkembangan yang sedang berlaku, isu-isu yang timbul serta implikasinya terhadap usaha untuk mencapai kestabilan dalam sistem kewangan global.

Tumpuan khusus kita hari ini adalah untuk melihat isu-isu yang timbul itu dalam konteks kewangan Islam, terutamanya soal sama ada kewangan Islam sebagai suatu bentuk pengantara kewangan boleh terjejas oleh risiko ketidakstabilan sedemikian. Selain itu, langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkukuh daya tahan dan kestabilan sistem kewangan Islam juga boleh dibincangkan. Kerjasama antara IFSB dengan IIF dalam menyediakan platform ini adalah tepat pada masanya. Cabaran global yang sedang dihadapi berikutan krisis kewangan antarabangsa semasa memerlukan penglibatan global. Memandangkan kesan daripada krisis ini boleh menular dengan meluas, penyelesaian yang strategik perlu dirumuskan secara global melalui langkah-langkah pembaharuan dan inisiatif untuk mengembalikan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan antarabangsa.

Ucapan saya hari ini tertumpu pada implikasi hala tuju strategik industri kewangan Islam dengan mengambil kira pengajaran daripada kegawatan kewangan tersebut termasuk krisis yang sedang dihadapi. Sebagai bahagian yang penting dalam sistem kewangan antarabangsa, kewangan Islam akan terus diuji oleh perkembangan ini. Sejarah menunjukkan bahawa dunia akan terus dibelenggu oleh krisis seumpama itu. Oleh itu, penting bagi industri kewangan Islam untuk memastikan supaya ia tidak menjadi punca ketidakstabilan sistem kewangan antarabangsa selain mampu mencapai suatu tahap daya tahan yang memastikan kemampanannya.

Pengajaran daripada Krisis Perbankan Sistemik

Dalam tempoh 27 tahun kebelakangan ini[1], dunia telah mengalami lebih daripada 124 krisis perbankan yang berlainan. Walaupun faktor pencetus krisis kewangan berbeza-beza, kebanyakannya telah menyebabkan kehilangan keyakinan umum dan kejatuhan harga aset yang berterusan.

Krisis sebegini pernah melanda rantau Asia lebih sepuluh tahun yang lalu. Susulan pengajaran daripada pengalaman tersebut, rantau Asia berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menguruskan kesan limpahan daripada kegawatan krisis kewangan semasa. Elemen penting dalam usaha ini ialah pengukuhan asas-asas yang menyumbang kepada daya tahan sistem supaya dapat bertahan daripada kejutan dan memastikan ia terus mampan semasa mengharungi episod kegawatan tersebut.

Terdapat beberapa persamaan antara krisis kewangan semasa dengan krisis kewangan Asia. Dalam kedua-dua kes tersebut, krisis berlaku selepas suatu tempoh pertumbuhan yang kukuh, pengembangan kredit yang pesat

[1] L. Laevan and F. Valencia, "Systemic Banking Crises: A New Database", (Sept 2008) International Working Paper of the International Monetary Fund, WP/08/224

serta kenaikan harga aset yang ketara tinggi. Sebelum tercetusnya krisis kewangan Asia, pemberian pinjaman kepada sektor korporat dibuat secara tidak berhemat. Aktiviti pelaburan juga berlebih-lebihan, dengan nisbah pelaburan kepada KDNK di sebahagian besar ekonomi di rantau ini melebihi 35%. Krisis subprima juga serupa kerana berpunca daripada amalan pemberian pinjaman yang tidak berhemat. Persekitaran kadar faedah yang rendah juga mempercepat pengumpulan aset dan kenaikan nilai aset yang tinggi. Di Asia, kredit dalam negeri meningkat ke tahap yang tidak terkawal hingga mencecah 180% daripada KDNK dalam tempoh ini. Di Amerika Syarikat (AS) pula, kredit meningkat hampir 240% pada tahun 2007. Hutang (leverage) dan pengambilan risiko yang berlebihan mendorong lagi pembentukan gelembung aset (asset bubbles)

Dalam kedua-dua keadaan tersebut terdapat kecairan yang berlebihan. Rantau Asia dan AS juga mencatat kenaikan yang mendadak dalam aliran masuk modal. Ini turut diperkuat oleh penarafan kedaulatan yang memberangsangkan di Asia dan penarafan yang tinggi bagi instrumen yang disekuritikan di AS. Dengan tercetusnya krisis, arah aliran masuk modal ini telah bertukar arah. Selain itu, pihak berkenaan juga gagal untuk menyedari bahawa dalam sistem kewangan antarabangsa yang sangat bersepadu, krisis yang meletus di satu bahagian sistem kewangan bukan hanya memberi kesan kepada bahagian lain sistem tersebut, bahkan mempunyai implikasi yang jauh lebih besar di negara-negara lain.

Satu lagi persamaan adalah berkaitan dengan kurangnya kapasiti untuk menguruskan peningkatan risiko yang berhubung kait dengan transformasi sektor kewangan. Di Asia, liberalisasi yang semakin giat tidak diiringi oleh pembangunan infrastruktur kewangan dalam negeri dan juga penambahan kapasiti untuk mengurus risiko dan ancaman yang berkaitan dengan proses liberalisasi. Dalam krisis semasa, inovasi kewangan berlaku dengan pantas hingga melangkaui keupayaan mengurus risiko yang berkaitan dengan inovasi berkenaan. Risiko yang diambil juga berlebih-lebihan, manakala ketelusan dan penzahiran dalam urus niaga kewangan pula masih lagi kurang. Instrumen-instrumen berstruktur dan proses pensekuritian yang kompleks telah menghasilkan produk kewangan yang strukturnya berlapis-lapis. Namun, perkembangan ini tidak disokong oleh proses tadbir urus dan infrastruktur serta amalan pengurusan risiko yang lebih kukuh. Ini telah mengakibatkan anggaran terhadap risiko dan jumlah modal yang diperlukan sebagai penampan adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Susulan kegawatan dalam pasaran kewangan, berlaku keadaan ketidakcairan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan lantas menjejaskan fungsi pasaran. Apabila keadaan ini berlarutan, wujud tekanan dan isu kemampuan membayar (insolvency) dalam sektor kewangan. Dalam kedua-dua krisis ini, bank telah bertindak untuk menarik balik pemberian pinjaman secara mendadak. Keadaan luluh kredit (credit crunch) yang wujud selepas itu turut memburukkan lagi keadaan ekonomi.

Di Asia, penguncupan ekonomi adalah ketara dalam lingkungan negatif 7 hingga 13%. Walau bagaimanapun, dalam krisis kewangan semasa, impak daripada kesan limpahannya terhadap ekonomi masih belum dirasai sepenuhnya. Semasa krisis kewangan Asia dahulu, impak sepenuhnya hanya dirasai apabila pelarasan harga aset berlaku dengan pantas dalam kebanyakan pasaran aset dalam tempoh setahun lebih. Di Asia, ruang untuk mengurangkan kadar faedah agak terhad kerana rantau ini terdedah kepada ancaman aliran keluar modal. Lantaran itu, tumpuan dasar di Asia adalah untuk mencari penyelesaian bagi sektor perbankan di samping memelihara fungsi proses pengantaraan. Dalam kebanyakan ekonomi yang terjejas oleh krisis di Asia, strategi ini membuahkan hasil yang diharapkan dan pertumbuhan kemudiannya pulih seperti biasa dalam tempoh dua belas hingga lapan belas bulan.

Krisis Kewangan dan Kewangan Islam

Ketika krisis kewangan global semakin menular, wajar bagi kita semua mengkaji semula asas dan struktur sistem kewangan Islam bagi menilai daya tahannya semasa menghadapi impak daripada krisis semasa dan akan datang. Dengan mengambil kira elemen dinamik krisis dan implikasinya yang mungkin timbul terhadap sistem kewangan Islam, dua dimensi penting perlu dilihat dalam penilaian ini.

Dimensi pertama yang terpenting memaparkan keupayaan yang ada dalam sistem kewangan Islam itu sendiri untuk berhadapan dengan ujian yang muncul akibat daripada krisis tersebut. Kewangan Islam disokong dengan baik oleh dua ciri penting yang menjadi asas dalam urus niaga kewangan Islam. Pertamanya, kewangan Islam menggalakkan aktiviti perniagaan dan perdagangan yang menjana keuntungan yang sah, tertakluk kepada keperluan kewujudan (materiality) dan kesahihan dalam urus niaga. Keperluan ini memastikan dana disalurkan ke dalam aktiviti perniagaan kewangan sebenar, lantas menghasilkan perhubungan yang rapat antara aliran kewangan dengan aliran produktif. Ini dapat mengurangkan keterdedahan sistem kewangan Islam terhadap risiko yang dikaitkan dengan paras hutang yang berlebihan dan pengambilan risiko yang tidak berhemat. Dalam urus niaga kewangan Islam, wang bukanlah suatu komoditi, tetapi merupakan alat pertukaran, penyimpan nilai dan unit pengukur. Wang melambangkan kuasa beli dan tidak boleh digunakan untuk menambah kuasa beli tanpa sebarang aktiviti yang produktif.

Keduanya, kewangan Islam menggalakkan urus niaga perniagaan yang berlandaskan prinsip saling berkongsi risiko. Amalan perkongsian risiko menjadi perangsang bagi institusi kewangan Islam untuk menjalankan usaha wajar yang perlu dan mengekalkan keperluan penzahiran dan ketelusan yang jelas. Kesemua keperluan ini lantas menggalakkan institusi kewangan Islam untuk menerima pakai amalan pengurusan risiko yang baik.

Dengan berpegang pada ciri-ciri penting ini dan matlamat Syariah secara menyeluruh serta mengambil contoh daripada amalan kewangan Islam sebenar seperti yang dikehendaki oleh prinsip Syariah, daya tahan sistem kewangan Islam terus dapat diperkukuh. Oleh itu, penting sekali bagi golongan profesional, pengamal, cendekiawan dan pengawal selia kewangan Islam memahami sepenuhnya keperluan yang terkandung dalam kewangan Islam, yang pada hakikatnya konsisten dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa industri perkhidmatan kewangan konvensional. Malah elemen-elemen dalam kewangan Islam inilah yang menjadi mekanisme dalaman tambahan bagi meningkatkan prospek kekukuhan dan kestabilannya.

Dimensi kedua terpenting berkaitan dengan kemungkinan timbulnya risiko terhadap kewangan Islam apabila berlakunya sesuatu krisis. Ini boleh terjadi apabila persekitaran ekonomi dan keadaan dalam pasaran kewangan menjadi lebih buruk. Kewangan Islam yang semakin bersifat global dan integrasinya yang lebih utuh dengan sistem kewangan antarabangsa meningkatkan keterdedahan sistem kewangan ini kepada kesan kontagion daripada perkembangan tersebut. Dari sudut krisis kewangan dalam sistem kewangan konvensional, keadaan ini dinamai sebagai kesan pusingan kedua. Kesan pusingan pertama berlaku apabila perkembangan dalam sistem kewangan mencetuskan krisis kewangan lantas memberi impak kepada ekonomi benar. Kesan pusingan kedua pula wujud apabila pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan menambah ketegangan kepada sektor kewangan.

Pengalaman tersebut menunjukkan bahawa apabila krisis sedemikian gagal dibendung, keadaan ekonomi akan bertambah lembap lantas memburukkan lagi krisis kewangan. Atas sebab ini, penyelesaian perlu diambil dengan segera. Bagi Malaysia, semasa krisis tahun 1997 – 1998, segala usaha diambil untuk mencari penyelesaian buat sektor kewangan agar kemungkinan berlakunya kejatuhan yang berterusan apabila aktiviti ekonomi terjejas oleh krisis kewangan, boleh dihalang.

Secara tidak langsung, kewangan Islam juga akan terjejas oleh kegawatan kewangan sedemikian. Pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan kecairan global yang semakin berkurang akan memberikan kesan kepada institusi yang banyak bergantung pada model perniagaan yang berfokus harta tanah dan kewangan aset. Institusi kewangan Islam juga akan terdedah kepada risiko inventori yang lebih besar disebabkan meningkatnya ketidaktentuan dan juga penurunan harga aset. Institusi kewangan Islam yang mempunyai bahagian perniagaan yang besar dalam perniagaan perkongsian keuntungan (Mudharabah dan Musyarakah) boleh terdedah kepada kerugian disebabkan risiko pelaburan ekuiti yang mungkin timbul berikutan ketidakupayaan perusahaan perniagaan menjana keuntungan yang diharapkan. Ketiadaan infrastruktur pasaran wang Islam juga akan mendedahkan sistem kewangan Islam kepada risiko kecairan yang lebih tinggi.

Strategi Memperkukuh Daya Tahan Sistem Kewangan Islam

Dengan inovasi produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lebih intensif dan kewangan Islam menjadi lebih bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa, penting bagi asas-asas yang terbina untuk kewangan Islam kekal utuh. Ini akan menjadi faktor penting untuk mengekalkan daya tahan sistem kewangan Islam dalam suasana kewangan antarabangsa yang semakin mencabar.

Sehubungan dengan itu, faktor penting adalah untuk memastikan inovasi berasaskan Syariah diserapkan dalam pembangunan produk kewangan Islam. Dalam pasaran kewangan yang semakin global, inovasi menjadi faktor pembeza utama untuk kekal berdaya saing. Walau bagaimanapun, kegawatan semasa menunjukkan inovasi yang terlalu kompleks dan tidak terkawal boleh menjadi faktor ketidakstabilan yang akan menyebabkan gangguan ketara dalam sesebuah sistem kewangan. Oleh itu, penting bagi inovasi kewangan untuk mempunyai matlamat Syariah yang jelas dan mematuhi prinsip-prinsip yang dituntut oleh Syariah. Dalam hal ini, inovasi berasaskan Syariah akan menyumbang kepada pembentukan produk kewangan Islam yang mempunyai tawaran nilai tersendiri dengan kekuatan dalaman sedia ada yang berlandaskan prinsip-prinsip penting Syariah.

Bagi mencapai matlamat ini, adalah penting untuk mempunyai inisiatif kukuh yang menggalakkan inovasi berasaskan Syariah dalam kewangan Islam. Di Malaysia, beberapa langkah telah pun diambil. Penubuhan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) bertujuan untuk menjalankan kajian gunaan ke atas kedinamikan inovasi berteraskan Syariah. ISRA boleh menyediakan platform global untuk penglibatan dan penyelidikan global yang lebih besar dengan berfokus pada inovasi. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah merumuskan Parameter Syariah bagi menggalakkan penggunaan kontrak kewangan Islam yang lebih konsisten. Inisiatif ini bertujuan menentukan ciri-ciri asas produk kewangan Islam yang berasaskan kontrak Syariah yang utama. Ciri-ciri ini akan berfungsi sebagai panduan untuk mengaplikasikan kontrak Syariah dalam produk kewangan Islam.

Strategi kedua adalah untuk meningkatkan tahap status infrastruktur kewangan Islam yang menyokong pengurusan risiko dan tadbir urus institusi kewangan Islam. Bagi memastikan daya tahan kewangan Islam terus mampan, adalah penting untuk mempunyai infrastruktur penyokong yang komprehensif yang membolehkan pengurusan risiko yang khusus dalam kewangan Islam. Oleh itu, sistem kewangan Islam perlu mempunyai keperluan modal, pengurusan risiko yang efektif dan tadbir urus yang kukuh serta serba lengkap untuk menangani risiko yang khusus dengan urus niaga kewangan Islam. Juga penting bagi institusi-institusi tersebut untuk mengagih-agihkan risiko dengan membuat peruntukan aset secara berhemat berdasarkan kontrak Islam yang berbeza-beza bagi memastikan aliran hasil yang berterusan dan institusi-institusi tersebut berada pada kedudukan yang boleh menerima keadaan ekstrem ketika berlakunya sesuatu krisis.

Bagi Malaysia, keperluan modal tambahan adalah perlu untuk menampung risiko inventori aset berkenaan dan juga untuk memberikan perlindungan risiko kedudukan ekuiti yang tersirat dalam kontrak perkongsian. Langkah ini juga diperkuat dengan adanya syarat pelantikan ahli lembaga pengarah dalam entiti yang terdapat pelaburan institusi kewangan Islam di bawah kontrak perkongsian, supaya menjadi pelindung kepada kepentingan institusi tersebut, lantas membolehkan pemantauan dan pengawasan secara berterusan. Institusi kewangan Islam juga dibenarkan memindahkan risiko kepada pemegang akaun pelaburan di bawah kontrak Mudharabah, iaitu kontrak perkongsian keuntungan dan tanggungan kerugian, sekiranya institusi boleh membuat penzahiran dan pelaksanaan tadbir urus yang bersesuaian yang dapat memastikan pemindahan risiko yang efektif. Bank-bank Islam juga dibenarkan untuk memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh kontrak Mudharabah, dalam bentuk rizab penyamaan keuntungan (profit equalization reserves) bagi menjamin pulangan yang stabil dan kompetitif. Sebahagian daripada keperluan ini adalah berdasarkan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh IFSB. Pelaksanaan piawaian IFSB merentas pelbagai negara adalah penting bagi meneruskan perkembangan kewangan Islam yang pesat.

Sementara langkah-langkah di atas memudahkan pengurusan risiko yang khusus kepada kewangan Islam, infrastruktur perundangan dan pengawalseliaan juga perlulah mengikuti perkembangan semasa dan transformasi pesat yang berlaku dalam industri. Sebagai sebahagian daripada infrastruktur ini, suatu rangka kerja pengurusan krisis bersepadu diperlukan bagi memastikan supaya sebarang krisis yang timbul dalam sistem kewangan Islam akan dapat ditangani dengan segera. Usaha-usaha tersebut, antara lain melibatkan tiga aspek asas, termasuk mempunyai mekanisme dan alat untuk mengekalkan kecairan jangka pendek, mengeluarkan aset bermasalah daripada kunci kira-kira institusi kewangan dan membolehkan permodalan semula institusi kewangan Islam.

Bagi Malaysia, infrastruktur ini telah sedia terbina. Bank Negara Malaysia mempunyai rangkaian instrumen kewangan Islam untuk menangani kecairan dalam sistem kewangan. Ini disokong oleh pasaran wang Islam yang maju. Selain itu, rangka kerja jaringan keselamatan kewangan di Malaysia merangkumi kemudahan penyelesaian sumber pemberian pinjaman terakhir dan sistem insurans deposit yang komprehensif yang menyediakan perlindungan bagi deposit konvensional dan Islam. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia juga diberi kuasa perundangan yang mencukupi untuk memastikan penyelesaian yang pantas, berkesan dan berkos paling rendah bagi memelihara kestabilan sistem kewangan Islam. Ini antara lain melibatkan kuasa pengawalan dan mandat bagi mempercepat penyelesaian yang bersesuaian bagi institusi kewangan yang mengalami kesulitan. Penyeliaan pengawasan kami juga mewajibkan institusi kewangan Islam membuat ujian tekanan secara berkala bagi menilai sama ada institusi-institusi tersebut berupaya untuk menghadapi keadaan yang ekstrem.

Kerumitan yang timbul daripada krisis global juga memerlukan lebih banyak usaha bersepadu di peringkat antarabangsa untuk mengelakkan krisis daripada menjadi bertambah buruk. Paling utama adalah untuk menyelaraskan inisiatif yang diambil dengan membuat penilaian berterusan terhadap sebarang ancaman dalam sistem kewangan Islam bagi mengelakkan berlakunya krisis. Sebahagian daripada usaha ini membabitkan kerjasama erat antara bank-bank pusat bagi membolehkan tindakan pantas diambil sekiranya perlu.

Ketiga, penerapan nilai-nilai Syariah dalam merealisasikan manfaat (Masalih) bagi pihak berkepentingan yang berkenaan. Dengan memberikan perhatian yang perlu bagi memelihara hubungan baik dengan pelanggan dan pihak yang berkepentingan, industri kewangan Islam boleh mengelakkan daripada mengambil penyelesaian ekstrem apabila keadaan menjadi bertambah buruk. Ini sejajar dengan prinsip kewangan Islam yang menggalakkan keadilan, kesaksamaan dan perkongsian tanggungjawab. Lantaran itu, fokus kewangan Islam bukan sahaja untuk mencapai pertumbuhan dan prestasi kewangan semata-mata, malah turut menitikberatkan amalan pasaran yang beretika. Teras kepada kesemua ini ialah penggunaan rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif.

Kesimpulan

Dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan kewangan Islam yang sedang pesat berkembang, hala tuju strategik industri ini perlu bergerak seiring dengan pelaksanaan rejim perundangan, pengawalan dan penyeliaan, termasuk mempunyai rangka kerja pencegahan dan pengurusan krisis. Sambil menyedari bahawa kewangan Islam mempunyai kekuatan dan juga menawarkan banyak peluang, apa yang lebih penting adalah untuk memastikan ciri-ciri penting kewangan Islam dipelihara bagi mengekalkan daya tahan dan kestabilannya.

Pertumbuhan kewangan Islam yang pesat adalah hasil daripada sokongan ketara daripada masyarakat Islam dan juga bukan Islam. Ini tidak akan dapat dicapai sekiranya kewangan Islam tidak dapat memenuhi keperluan kewangan yang semakin bertambah dan berbeza-beza, juga sekiranya ia bukan suatu bentuk pengantaraan kewangan yang efisien dan kompetitif. Sebagai satu bahagian yang sedang pesat berkembang dalam sistem kewangan antarabangsa yang semakin mencabar, tugas kita adalah untuk menambah kekuatan asas kewangan Islam dan terus memperkukuh struktur sokongan bagi memastikan kewangan Islam akan terus menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan global.

Kongres Kewangan Islam State Street "Kewangan Islam: Peluang Pertumbuhan Global dalam Persekitaran yang Mencabar" Boston, Amerika Syarikat, 6 Oktober 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Kewangan Islam telah melalui perubahan pesat dalam dekad ini. Perubahan ini menyebabkan industri kewangan Islam mengalami transformasi yang dramatik. Kewangan Islam yang selama ini memberikan tumpuan pada masyarakat Islam, pembiayaan runcit, serta dikawal selia oleh piawaian pengawalseliaan dan perakaunan konvensional, selain lebih tertumpu di dalam negeri, kini telah menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang menyeluruh, lebih luas perkhidmatannya hingga menjangkau masyarakat bukan Islam. Kini kewangan Islam juga mempunyai piawaiannya yang dirumuskan sendiri dan lebih bersifat antarabangsa. Industri perkhidmatan kewangan Islam dalam dekad ini telah berubah menjadi satu bentuk pengantaraan kewangan yang dinamik, berkembang pesat dan kompetitif dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat global.

Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana dapat hadir di sini di Boston untuk turut serta dalam Kongres Kewangan Islam State Street yang pertama kali diadakan ini. Perubahan dan perkembangan kewangan Islam sejak akhir-akhir ini telah menonjolkan kewangan Islam sebagai kelas aset baharu yang berdaya maju bagi pelabur dan merupakan satu bentuk pembiayaan yang kompetitif untuk perniagaan. Oleh itu, kewangan Islam bukan sahaja membolehkan pempelbagaian risiko selanjutnya, tetapi tahap penyertaan asing yang lebih tinggi dan aliran dana merentas sempadan yang bertambah telah memperkukuh kesalinghubungan kewangan antarabangsa antara negara dan turut menyumbang ke arah pengagihan sumber antarabangsa yang lebih efisien.

Kekukuhan Intrinsik Kewangan Islam

Sehingga kini, kewangan Islam terus menggalakkan, meskipun dalam persekitaran kewangan global semasa yang makin mencabar. Kekukuhan kewangan Islam dicapai melalui prinsip Syariah, iaitu prinsip utama kewangan Islam yang menyumbang ke arah kestabilan dan daya tahan keseluruhannya. Injunksi Syariah menghendaki urus niaga kewangan Islam disokong oleh aktiviti produktif yang menghasilkan perhubungan rapat antara aliran kewangan dengan aliran produktif.

Di samping itu, di bawah pengaturan perkongsian risiko, institusi kewangan Islam akan berkongsi keuntungan atau kerugian yang ditanggung oleh usahawan. Dalam hal ini, terdapat perkongsian risiko yang jelas antara pembiaya dengan pelanggan dan kegiatan sebenar ini dijangka menjana keuntungan yang mencukupi untuk menampung risiko tersebut. Oleh itu, pengaturan ini memerlukan usaha wajar yang bersesuaian dan integrasi risiko yang dikaitkan dengan aktiviti pelaburan sebenar ke dalam urus niaga kewangan. Selain itu, prinsip Syariah turut melarang hutang yang berlebihan dan aktiviti kewangan bersifat spekulatif lantas melindungi pihak yang terbabit daripada terdedah kepada risiko yang melampau.

Prinsip intrinsik perkongsian keuntungan dan risiko seterusnya menjadi sekatan dan imbangan (check and balance) dalaman bagi urus niaga kewangan Islam. Dalam pengaturan ini, unsur pengurusan risiko dan amalan tadbir urus adalah jelas. Dengan itu, kewangan Islam merupakan satu modaliti yang memberikan penekanan jelas mengenai daya maju ekonomi terhadap aset yang mendasarinya dan tadbir urus yang baik, etika dan ketelusan.

Industri yang dipacu permintaan dan berpotensi besar

Dalam dekad ini, industri kewangan Islam global telah berubah daripada industri berasaskan kepercayaan kepada industri yang dipacu oleh perniagaan untuk semua lapisan masyarakat. Faktor lain yang mendorong minat dalam kewangan Islam ialah persamaannya yang ketara dengan prinsip kewangan beretika dan pelaburan yang mempunyai tanggungjawab sosial. Kewangan Islam bukan sahaja bertujuan mengelakkan riba malah turut merangkumi isu-isu berhubung dengan nilai etika, misalnya perdagangan yang adil dan saksama dan pemuliharaan alam sekitar. Semua ini mendorong peserta global konvensional untuk turut serta dalam aktiviti kewangan Islam dan memperoleh kepentingan strategik dalam institusi kewangan Islam.

Bilangan pusat kewangan antarabangsa yang memulakan usaha menyepadukan kewangan Islam dalam sistem kewangan masing-masing juga semakin bertambah seperti di London, Tokyo, Hong Kong dan Singapura. Kewangan Islam kini merupakan salah satu bahagian yang paling pesat berkembang dalam sistem kewangan global. Jumlah aset Islam yang diuruskan oleh bank Islam dan bank konvensional yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam kini dilaporkan melebihi USD500 bilion. Pertumbuhan ini turut dicatat dalam komponen utama lain sistem kewangan Islam. Dana bersama Islam kini dianggarkan bernilai USD300 bilion, manakala sumbangan takaful global atau insurans yang berlandaskan prinsip Syariah dianggarkan mencecah kira-kira USD5 bilion.

Memperkukuh Infrastruktur Antarabangsa

Pembangunan arkitektur sokongan bagi kewangan Islam antarabangsa merupakan usaha penting dalam pembangunan kewangan Islam. Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pada tahun 2002 untuk menetapkan piawaian berhemat bagi kewangan Islam, dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) yang ditubuhkan pada tahun 1990 merupakan langkah utama dalam memastikan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan Islam.

IFSB dan AAOIFI berperanan penting dalam pengharmonian piawaian berhemat dan perakaunan di pelbagai negara. Institusi tersebut turut memainkan peranan utama dalam menghasilkan amalan terbaik antarabangsa bagi pembangunan kewangan Islam global. Institusi kewangan Islam turut tertakluk kepada keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan aktiviti keganasan.

Peluang yang muncul melalui integrasi kewangan antarabangsa yang lebih meluas

Momentum globalisasi kewangan Islam bertambah ketara dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Meskipun perkembangan kewangan Islam pada awalnya lebih tertumpu di dalam negeri, peranannya yang kian penting di peringkat antarabangsa kini dibuktikan oleh aliran dana merentas sempadan yang meningkat, penyertaan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang lebih meluas, kehadiran institusi kewangan yang bertambah dalam pusat-pusat kewangan baharu dan bertambahnya bilangan institusi kewangan Islam sejak akhir-akhir ini yang mempunyai pemegang saham dari pelbagai negara.

Pada dasarnya, integrasi kewangan yang lebih meluas dipermudah oleh liberalisasi yang lebih pantas yang disokong oleh kemajuan yang dicapai dalam pembangunan infrastruktur kewangan Islam antarabangsa. Trend ini juga didorong oleh keperluan untuk meluaskan pempelbagaian risiko dalam pengurusan dana dan menjadi lebih ketara dalam persekitaran kewangan antarabangsa semasa, yang mendorong pelabur mempertimbangkan kelas aset dan pasaran lain yang stabil. Sehingga kini, kesan langsung krisis kewangan global terhadap kewangan Islam adalah terhad. Meskipun kewangan Islam hanya berurus niaga dalam aktiviti yang jelas produktif, pertumbuhan keseluruhan yang lebih perlahan dan peningkatan ketidakpastian telah menjejaskan penentuan harga dan aktiviti

dalam bahagian pasaran tertentu. Namun begitu, ini sebahagiannya mencerminkan peralihan aktiviti daripada pasaran kewangan kepada institusi kewangan Islam.

Memandangkan keperluan pelanggan global yang berubah-ubah, bidang perniagaan kewangan Islam kini berkembang untuk mencakupi produk kewangan yang lebih canggih. Produk yang berlandaskan prinsip Syariah ini termasuk ekuiti swasta, pembiayaan projek, originasi dan terbitan sukuk, serta produk pengurusan dana, aset dan kekayaan. Pasaran sukuk khususnya telah menjadi produk pembiayaan penting bagi aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan antarabangsa. Pasaran ini berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 40%. Pada tahun 2007, pasaran sukuk global mencatat pertumbuhan amat membanggakan dan mencapai pertumbuhan melebihi 70%. Terbitan baharu pada tahun tersebut mencapai rekod tertinggi kira-kira USD47 bilion dan pasaran sukuk terkumpul global kini melepasi tahap USD100 bilion. Sehingga bulan Ogos tahun ini, jumlah terbitan sukuk global kini melebihi USD14 bilion, dan dijangka melebihi USD200 bilion pada tahun 2010. Pertumbuhan ini sebahagiannya dirangsang oleh keperluan pendanaan yang semakin meningkat dalam ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di Asia dan Timur Tengah, dan diperkukuh oleh keyakinan pelabur yang berterusan dalam instrumen kewangan Islam.

Perjalanan Kewangan Islam di Malaysia

Saya akan menyentuh pula tentang perjalanan pembangunan kewangan Islam di Malaysia. Di Malaysia, strategi awal kewangan Islam adalah untuk meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak agar segenap lapisan masyarakat dapat menikmati produk perbankan asas dan produk insurans yang bersesuaian dengan prinsip Syariah. Tiga dekad telah berlalu dan kini industri kewangan Islam di Malaysia telah berubah menjadi komponen penting yang bersaingan dalam sistem kewangan keseluruhan yang beroperasi secara selari dengan sistem kewangan konvensional.

Sistem kewangan Islam di Malaysia berlandaskan tiga strategi utama. Pertama, sistem kewangan Islam berkembang sebagai sistem kewangan komprehensif yang pelbagai dari segi institusi, pasaran dan pesertanya. Sistem kewangan Islam terdiri daripada institusi perbankan Islam, industri takaful, institusi bukan perbankan dan pasaran wang dan modal Islam. Infrastruktur kewangan sokongan termasuk rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang teguh, diperkukuh oleh rangka kerja undang-undang dan Syariah, sistem pembayaran dan penyelesaian dan mekanisme bagi operasi kecairan oleh Bank Negara.

Aset sistem perbankan Islam kini mencakupi 16% daripada pasaran, manakala sektor takaful 7% daripada bahagian pasaran. Kemajuan besar dicapai khususnya dalam pasaran modal Islam dengan jumlah sekuriti swasta Islam terkumpul sebanyak USD79 bilion atau 54.3% daripada jumlah sekuriti swasta terkumpul dalam pasaran. Bilangan dana amanah saham berasaskan Syariah turut bertambah kepada 136 dengan nilai aset bersih melebihi USD5.2 bilion manakala 85% daripada saham Malaysia tersenarai di kaunter yang diluluskan Syariah.

Strategi kedua adalah untuk memberikan lebih penekanan tentang persekitaran yang diperlukan bagi menggalakkan inovasi dalam industri kewangan Islam. Rangkaian produk dalam kewangan Islam kini telah berkembang menjadi rangkaian instrumen inovatif yang luas, termasuk produk berkaitan pelaburan dan ekuiti berdasarkan musyarakah, mudarabah dan ijarah, yang kompetitif dari segi struktur produk dan penentuan harga. Pasaran kewangan Islam yang lebih canggih, khususnya pasaran sukuk, menambah daya tarikan instrumen kewangan Islam sebagai kelas aset untuk pelaburan.

Dorongan ke arah inovasi disokong oleh pelaburan dalam pembangunan modal insan. Kumpulan tenaga kerja mahir dan kepakaran yang mencukupi merupakan faktor penting dalam pembangunan hab kewangan Islam di Malaysia. Pada tahun 2006, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic

Finance, INCEIF) telah ditubuhkan. Berbekalkan fakulti dan penuntut antarabangsa daripada lebih 40 negara, INCEIF memberikan tumpuan pada program untuk para profesional kewangan Islam dan pakar dalam bidang ini. Kumpulan penuntut pertama bagi kelayakan Chartered Islamic Finance Professional, CIFP, yang ditawarkan oleh INCEIF, bakal menamatkan pengajian pada penghujung tahun ini selepas berjaya menyempurnakan program tiga tahun yang meliputi tempoh latihan amali dengan sebuah institusi kewangan Islam. INCEIF turut menawarkan Program Sarjana dan PhD dalam kewangan Islam.

Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA) telah ditubuhkan pada tahun ini bagi menggalakkan penyelidikan dalam kewangan Islam. Dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan Syariah gunaan terhadap isu kewangan Islam semasa, ISRA turut menyediakan platform yang menggalakkan perbincangan dan dialog aktif antara cendekiawan Syariah global sambil memupuk persefahaman terhadap Syariah dan pertumpuan pandangan dari pelbagai tempat dalam sistem kewangan Islam global.

Strategi ketiga adalah untuk menggalakkan integrasi kewangan yang lebih meluas dengan sistem kewangan Islam global. Sistem kewangan Islam di Malaysia telah diliberalisasikan secara berperingkat bagi membolehkan lebih banyak kemasukan dan penyertaan syarikat asing dalam sistem kewangan negara, lantas memudahkan keluar masuk aliran dana merentas sempadan dan seterusnya mengukuhkan kesalinghubungan kewangan antarabangsa. Langkah liberalisasi ini adalah dalam bentuk terbitan lesen baharu dan peningkatan penyertaan asing dalam bank Islam dan syarikat takaful sehingga mencapai 49%. Lesen baharu turut dikeluarkan kepada pengurus dana asing dan broker saham asing. Dalam fasa pembangunan kewangan Islam yang baharu ini, Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa makin giat memainkan peranan sebagai tempat pertemuan bagi perniagaan dari pelbagai ceruk dunia yang hendak memperoleh dana dan bagi pelabur yang mempunyai dana lebihan untuk pelaburan.

Kewangan Islam pada Masa Depan

Permintaan terhadap produk kewangan Islam dalam pasaran global kini kukuh dan makin meningkat, jauh melebihi produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh institusi kewangan Islam pada masa ini. Oleh itu, kewangan Islam mempunyai potensi yang amat cerah pada masa depan.

Memandangkan tahap perkembangan industri perkhidmatan kewangan Islam bertambah pantas, kemajuan industri ini akan terus dipengaruhi oleh persekitaran yang kian rumit dan mencabar, khususnya dalam peluasan parameter perniagaan dan tawaran produk yang inovatif. Bagi tujuan ini, terdapat peningkatan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan instrumen dan struktur baharu bagi memenuhi keperluan masyarakat antarabangsa yang kian berubah-ubah. Satu bidang yang diberikan tumpuan adalah berkaitan dengan penghasilan mekanisme bagi pengurangan risiko dan pengurusan kecairan. Yang penting ialah penyelesaian diperlukan bagi memastikan pertumpuan antara keperluan pasaran dengan pematuhan Syariah.

Peningkatan inovasi juga memerlukan lebih penekanan terhadap pelaksanaan amalan terbaik dan piawaian pengurusan risiko yang lebih mantap. Bagi tujuan ini, pelaksanaan piawaian berhemat yang dirumuskan oleh IFSB adalah amat penting. Aplikasi IT dan pengukuhan keupayaan pengurusan institusi kewangan Islam juga perlu lebih dimanfaatkan. Melangkah ke hadapan, dengan bertambahnya kesedaran dan pemahaman tentang kewangan Islam, peranan disiplin pasaran akan menjadi makin penting dalam memacu institusi kewangan Islam ke arah memastikan pematuhan Syariah dalam operasi, dalam meningkatkan kecekapan operasi dan dalam mewujudkan amalan pengurusan risiko yang kukuh dan dinamik.

Usaha inovasi turut menimbulkan beberapa isu berkaitan dengan perbezaan pandangan Syariah yang menjadi asas kepada beberapa urus niaga kewangan Islam. Meskipun

perbezaan pandangan dalam urus niaga kewangan Islam bukanlah fenomena baharu, namun kini ia mendorong dialog antarabangsa antara cendekiawan Syariah dari semua pelosok dunia. Hubungan yang lebih rapat antara pasaran kewangan Islam global dan platform yang lebih banyak untuk perbincangan dan dialog tentang isu Syariah ini akan menyumbang ke arah peningkatan pemahaman bersama dan penerimaan tentang peraturan, piawaian dan pandangan Syariah, dan bagi merealisasikan pertumpuan ini. Ini akan mengubah piawaian Syariah global bagi industri kewangan Islam.

Sementara pengantarabangsaan kewangan Islam terus meluas, wujud hubungan pengantaraan kewangan yang lebih pesat antara rantau Asia Timur, Asia Barat, dan Timur Tengah– lantas menghasilkan "Laluan Sutera Baharu". Meskipun Laluan Sutera Baharu bagi aliran kewangan ini sedang meningkatkan kesalinghubungan antara Asia dengan Timur tengah, kedua-dua rantau ini juga, turut meluaskan Laluan Sutera Baharu ke seluruh pelosok dunia. Pelabur global dan masyarakat kewangan antarabangsa juga telah meraih manfaat daripada pempelbagaian aktiviti pelaburan yang kian rancak di kedua-dua rantau ini. Peningkatan kesalinghubungan pengantaraan di rantau ini dan dalam antara rantau ini akan seterusnya menyumbang ke arah pengagihan modal yang lebih efisien dalam sistem kewangan global.

Kesimpulan

Berlatarbelakangkan persekitaran global yang kian tidak pasti, kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan dalam sistem kewangan Islam terus berdaya maju dan kompetitif. Pada tahun-tahun akan datang, penyertaan global yang lebih meluas dalam proses pembangunan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akan mempertingkatkan peranan yang bakal dimainkan oleh kewangan Islam dalam menyumbang ke arah kestabilan kewangan global yang lebih mantap dalam sistem kewangan antarabangsa.

KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2008

6 Oktober 2008

Dalam ucaptama Gabenor di Kongres Kewangan Islam State Street 2008 di Boston, Amerika Syarikat, beliau menyatakan bahawa kewangan Islam telah menjadi lebih berdaya maju dan kompetitif dalam keadaan ketidakpastian global yang makin ketara. Beliau turut menyatakan bahawa momentum globalisasi kewangan Islam semakin meningkat sejak kebelakangan ini dan permintaan terhadap produk kewangan Islam dalam pasaran global melebihi penawaran produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan Islam. Melangkah ke hadapan, potensi pertumbuhan kewangan Islam dijangka amat menggalakkan.

14 Oktober 2008

Bank Negara Malaysia dalam kenyataan akhbarnya menyatakan bahawa institusi kewangan Malaysia terus berdaya tahan meskipun pasaran kewangan global semakin tidak menentu. Institusi kewangan di negara ini yang dilengkapi penampan modal dan mudah tunai yang mencukupi, mempunyai pendedahan yang amat kecil terhadap sekuriti berkaitan suprima dan institusi kewangan yang terjejas di negara-negara lain. Lebih 90% daripada jumlah aset bank dan syarikat insurans di negara ini adalah dalam aset berdenominasi ringgit. Di samping itu, semua institusi kewangan asing di Malaysia yang diperbadankan di negara ini mempunyai tahap modal yang tinggi yang diperuntukkan untuk menyokong operasi di negara ini. Bank Negara Malaysia pula mempunyai sistem penyeliaan dan pengawasan mantap dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjamin kekukuhan sistem kewangan negara jika perlu.

16 Oktober 2008

Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Kewangan Malaysia mengumumkan bahawa semua deposit dalam ringgit dan mata wang asing di bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit yang di bawah kawal selia Bank, akan dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) berkuat kuasa serta merta sehingga bulan Disember 2010. Jaminan ini merangkumi semua institusi perbankan tempatan dan asing yang diperbadankan dalam negeri. Akses kepada kemudahan mudah tunai Bank juga diberikan syarikat insurans dan pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank.

24 Oktober 2008

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.5%. Analisis Bank mendapati bahawa sejak mesyuarat MPC Ogos lalu, keadaan ekonomi global telah terjejas dengan ketara manakala kemelut kewangan antarabangsa masih belum reda. Tumpuan penggubal dasar akan lebih kepada usaha mengelakkan ekonomi global daripada mengalami kelembapan yang ketara. Dalam mesyuarat seterusnya pada 24 November, MPC mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Memandangkan risiko pertumbuhan yang lebih rendah semakin nyata dan tekanan inflasi semakin berkurang, penurunan OPR merupakan langkah awalan yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran monetari yang lebih akomodatif. MPC turut mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 4% kepada 3.5% berkuat kuasa 1 Disember 2008 dalam usaha untuk mengurangkan lagi kos pengantaraan. Jawatankuasa ini turut meluluskan jadual mesyuarat MPC bagi tahun 2009.

30 Oktober 2008

Bank Negara Malaysia mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua institusi perbankan dan Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) sebagai sebahagian daripada usahanya untuk meningkatkan hubungan dengan pelanggan mereka bagi membincangkan isu-isu perkembangan ekonomi dan keadaan perniagaan semasa. Bank Negara Malaysia menekankan betapa pentingnya bagi bank-bank untuk terus memainkan peranan sebagai pemberi pinjaman yang bertanggungjawab, yang mungkin memerlukan penjadualan dan penyusunan semula kemudahan pinjaman. Ini kerana akses yang berterusan kepada pembiayaan amat penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Industri perbankan bersetuju untuk meningkatkan komitmen dan interaksi dengan pelanggan mereka. Di samping itu, ABM juga akan berkomunikasi secara lebih efektik dengan pelanggan mereka bagi meningkatkan kesedaran tentang akses dan pengurusan produk dan perkhidmatan kewangan.

Seterusnya, pada 5 November 2008, Bank Negara Malaysia mengadakan sesi dialog dengan pemimpin industri Insurans dan Takaful untuk membincangkan perkembangan dalam ekonomi dan pelbagai isu yang dihadapi oleh industri ini. Bank Negara Malaysia menekankan bahawa syarikat insurans dan pengendali takaful serta ejen mereka perlu mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa berurusan dengan pelanggan. Syarikat insurans turut menyatakan kesediaan mereka melaksanakan rangka kerja Modal Berasaskan Risiko berkuat kuasa 1 Januari 2009 bagi mewujudkan penampan modal yang teguh dan memperkuat daya tahan dan kekukuhan infrastruktur serta keupayaan pengurusan risiko mereka. Pelbagai inisiatif untuk memperkukuh lagi daya tahan industri turut dibincangkan semasa dialog tersebut.

4 November 2008

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelancaran Tabung Perusahaan Mikro bernilai RM200 juta untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro. Memandangkan sebilangan besar Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia merupakan perusahaan mikro, akses kepada pembiayaan amat perlu untuk membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Dana bagi tabung ini disalurkan melalui Skim Pembiayaan Mikro yang sedia ada yang ditawarkan oleh institusi kewangan peserta.

18 November 2008

Bank Negara Malaysia dianugerahi “Most Outstanding Institution for Contribution to Islamic Finance” di Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2008, yang dianjurkan sempena Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Kelima (KLIFF 2008). Anugerah Kewangan Islam KLIFF bertujuan memberi penghormatan dan penghargaan serta mengiktiraf usaha dan sumbangan penting yang digembleng dan dihulurkan oleh individu dan institusi dalam membangunkan industri kewangan Islam. Bank Negara Malaysia diberi penghormatan ini atas sumbangannya memperkukuh rangka kerja berhemat Islam diperingkat dalam negeri dan antarabangsa. Bank turut diiktiraf sebagai peneraju usaha membentuk kesalinghubungan yang lebih erat dalam kalangan pengawal selia dan pusat-pusat kewangan dalam mewujudkan sistem kewangan antarabangsa yang lebih bersepadu.

20 November 2008

Pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Institut Kewangan Antarabangsa di Kuala Lumpur, Gabenor telah menyampaikan ucaptamanya tentang 'Mempertingkat Daya Tahan dan Kestabilan Sistem Kewangan Islam'. Beliau menyatakan bahawa daya tahan dan kestabilan kewangan Islam dapat dikekalkan dengan memastikan asas-asas kewangan Islam yang sedia terbina kekal teguh. Beliau menggariskan tiga strategi umum untuk memperkukuh daya tahan sistem kewangan Islam. Pertama, matlamat dan prinsip Syariah harus diserapkan dalam pembangunan produk kewangan Islam. Kedua, infrastruktur kewangan Islam yang menyokong pengurusan risiko dan tadbir urus institusi kewangan Islam perlu sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan infrastruktur tersebut komprehensif dan bersedia untuk menguruskan risiko kewangan Islam yang khusus. Ketiga, penerapan nilai-nilai Syariah dalam merealisasikan manfaat (*Masalih*) bagi pihak berkepentingan yang berkenaan sejajar dengan prinsip kewangan Islam yang menitikberatkan keadilan, kesaksamaan dan perkongsian tanggungjawab. Beliau menambah bahawa fokus kewangan Islam bukan sekadar untuk mencapai pertumbuhan dan prestasi kewangan semata-mata, malah turut menekankan amalan pasaran yang beretika.

28 November 2008

Bank mengumumkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi lebih sederhana pada suku ketiga 2008 kepada 4.7% ketika ekonomi global dan persekitaran kewangan antarabangsa mengalami kemerosotan yang ketara. Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri, dengan perbelanjaan penggunaan swasta dan perbelanjaan sektor awam menjadi penyumbang utama pertumbuhan. Dari segi penawaran, pertumbuhan dipacu oleh sektor perkhidmatan.